



BIBD

2013
LAPORAN TAHUNAN

Kandungan



A02

Pernyataan Pengerusi
Prakata Pengarah Urusan

A10

Lembaga Pengarah

A12

Badan Penasihat Syariah

A14

Barisan Pengurusan

A18

Profil Korporat

A24

Pencapaian BIBD

- ◆ Identiti Baru BIBD
- ◆ Anugerah-anugerah BIBD
- ◆ Peranan korporat BIBD
- ◆ Sumbangan BIBD kepada pembangunan mesyarakat
- ◆ Ganjaran untuk pelanggan BIBD
- ◆ Mengeratkan Perhubungan Pelanggan
- ◆ Langkauan komuniti
- ◆ Aktiviti sepanjang tahun BIBD

A56

Penyata Kewangan 2013

Pernyataan Pengerusi



Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Para pemegang saham yang dihormati,

Dengan berakhirnya tahun kewangan 2013, Alhamdulillah BIBD berjaya mencatatkan satu pencapaian penting dengan perlaksanaan Pelan Strategik 2011-2013 BIBD, di mana tumpuan utama ialah memantapkan lagi kedudukan Bank dalam "Kecemerlangan dalam Perkhidmatan". Dalam usaha Bank untuk mencapai objektif ini, kami telah melabur sejumlah besar dalam pembangunan sumber manusia dan prasarana teknologi, untuk menjadikan BIBD sebagai penyedia perkhidmatan kewangan yang utama di Brunei Darussalam.

Di peringkat antarabangsa pula, kami tidak terkecuali dari menghadapi tekanan ke atas kadar pulangan harta yang rendah, di mana di peringkat global keadaan masih lagi terjejas oleh kemelesetan ekonomi dunia, meskipun terdapat tanda-tanda awal bagi penstabilan dan juga pemulihan berkala.

Saya juga amat sukacita menyampaikan bahawa BIBD telah berjaya meningkatkan kedudukannya dalam 1,000 Bank Terbaik Dunia oleh "The Banker", iaitu melonjak sebanyak 22 anak tangga kepada kedudukan yang ke-676 pada tahun 2013 (berbanding kedudukan 698 pada tahun sebelumnya), dari segi Tahap 1 Kekuatan Modal, juga peningkatan yang amat ketara dalam aspek Kekukuh (Modal Nisbah Harta), yang meletakkan BIBD di kedudukan yang ke-51, kenaikkan sebanyak 23 anak tangga (berbanding kedudukan ke-74 pada tahun 2012). Ini sekali lagi telah meletakkan BIBD sebagai sebuah institusi kewangan yang satu-satunya tersenarai dari Negara Brunei Darussalam. Kami juga terus menerima beberapa pengiktirafan yang berprestij di peringkat antarabangsa, termasuklah "Bank Pasaran Baru Terbaik Dunia 2013 di Asia Pasifik bagi Brunei" dari Global Finance, "Bank Pengguna Terbaik" bagi tahun 2012, oleh The Asian Banker, dan "Bank Terbaik Dunia Tahun 2013 bagi Brunei Darussalam" oleh The Banker.

Kami menyedari akan tanggungjawab kami sebagai sebuah institusi perbankan utama dalam memberikan perkhidmatan, demi kepentingan Negara Brunei Darussalam. Selaras dengan dedikasi dan sokongan kami untuk mananai hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dalam

mencapai Wawasan Negara Brunei Darussalam 2035 serta ke arah merealisasikan Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Zikir, BIBD akan terus berusaha dalam menyediakan perkhidmatan kewangan dan produk yang bertaraf dunia yang patuh Syariah, untuk para pelanggan dan warga korporat kami.

BIBD juga memulakan pelaburan penting ke atas infrastruktur dan sistem perbankan teras di pertengahan tahun 2010. Ini telah diaturkan pelaksanaannya dalam lima peringkat, yang mana setiap satu direka untuk menangani beberapa jurang utama yang terdapat di dalam produk, perkhidmatan dan alat pengurusan risiko kami. Pelaburan prasarana jangka panjang beserta dengan pembangunan ke atas sumber manusia menjadi pemangkin utama yang juga faktor pembeza kami dengan saingan lain di pasaran kewangan tempatan. Hari ini, BIBD merupakan peneraju dalam penyediaan rumusan produk dan perkhidmatan perbankan yang terkini, termasuklah dari segi kepesekan teknologi di kalangan bank di Brunei Darussalam. Beberapa inisiatif baru kami yang paling menyerlah adalah di antara yang terulung di rantau ini, dan dicapai melalui "melangkaui had minda" yang pada suatu ketika dahulu merupakan sesuatu yang difikirkan mustahil untuk dicapai.

Di samping meraikan kejayaan dengan rasa optimis ini, saya juga ingin menekankan akan pentingnya untuk seluruh warga kerja untuk terus mengambil sikap berwaspada dan berhemat dalam segala pengurusan risiko kesemua aktiviti perniagaan kami.

Penjenamaan semula BIBD

Sejajar dengan pelaburan dan peningkatan produk dan perkhidmatan perbankannya, BIBD bersedia bergerak maju melangkah ke arah pengalaman perbankan yang lebih menarik dengan mengenalkan inisiatif penjenamaan semula BIBD. Sehubungan ini, saya sukacita ingin menjunjung kasih di atas keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan, yang berkenan merasmikan Majlis Pelancaran Penjenamaan Baru BIBD yang berslogarkan 'Berjiwa KeBruneian', dan seterusnya

pembukaan cawangan Kiulap BIBD pertama yang menerapkan reka bentuk BIBD tersendiri dengan konsep jenama yang baru.

Sejak majlis pelancaran yang bersejarah ini dirasmikan, lima buah cawangan BIBD yang lain, telah dilancarkan berdasarkan penjenamaan dan reka bentuk baru, yang diharap akan dapat memberi para pelanggan kami suatu persekitaran perbankan yang moden, dinamik dan berkualiti tinggi, namun masih mempunyai nilai-nilai yang berakar umbi ciri-ciri keBruneian.

Memandang Kehadapan

Berikut dengan kejayaan Pelan Strategik 2011-2013 BIBD, yang mengetengahkan "Kecemerlangan dalam Perkhidmatan", dalam pengukuhan kedudukan kami sebagai peneraju dalam pasaran kewangan Brunei, BIBD dan Kumpulan anak syarikatnya akan memulakan satu lagi Pelan Strategik Tiga Tahun, "Penglibatan Warga Kerja" yang meliputi tempoh 2014 hingga 2016.

Dengan warga kerja yang komited dan bermotivasi inilah yang akan membawa kejayaan platform kami, untuk memastikan Bank terus maju ke hadapan dalam menerokai peluang pengembangan perniagaan baru, di samping terus menyediakan rumusan perkhidmatan kewangan yang inovatif, untuk kepentingan para rakan korporat dan pelanggan kami.

Berpandukan kepada nilai-nilai Islam dan Pelan Strategik 2014-2016 BIBD, kami yakin bahawa Kumpulan Syarikat BIBD akan terus berjaya dan dapat menangani segala cabaran yang disebabkan oleh persekitaran ekonomi global yang sentiasa berubah ini.

Ucapan Terima Kasih

Saya ingin mengambil kesempatan ini, untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, mantan Pengerusi BIBD, di atas bimbingan, sokongan dan kepimpinan Yang Berhormat Pehin dalam membangun BIBD menjadi sebuah institusi kewangan

yang utama di Negara Brunei Darussalam. Saya sukacita mengalu-alukan Yang Mulia Dr Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin sebagai ahli Lembaga Pengarah BIBD dan Yang Mulia Awang Mozart bin Haji Brahim sebagai Ahli Pengarah Gantian kepada Yang Mulia Awang Junaidi bin Haji Masri.

Kehadiran kami sehingga ke hari ini, adalah dari sokongan padu yang berterusan para rakan korporat, pemegang saham, pelanggan dan juga pihak-pihak yang berkepentingan kepada BIBD. Tanpa mereka, Kumpulan BIBD tidak akan menjadi sebuah institusi kewangan yang berjaya dan berdaya saing seperti mana yang wujud sekarang. Setinggi-tinggi terima kasih diberikan atas sokongan-sokongan yang telah diberikan di sepanjang perjalanan BIBD ini.

Kepada semua warga kerja Kumpulan BIBD, saya ingin mengucapkan terima kasih di atas dedikasi dan sumbangan awda dalam sama-sama berusaha menjadikan BIBD, sebagai sebuah institusi kewangan terunggul di negara ini. Walaupun kita akan terus menghadapi berbagai halangan dan cabaran, namun dengan adanya usaha gigih, kesungguhan dan semangat setia kawan, kita akan dapat terus memastikan BIBD dan Kumpulan tetap berdiri teguh sebagai sebuah institusi yang dapat kita semua banggakan untuk tahun-tahun yang mendatang. In shaa Allah.

Saya amat sukacita ingin menjunjung kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, khususnya Kementerian Kewangan dan kepada kesemua pengawal selia, di atas bimbingan dan keyakinan mereka yang berterusan, terhadap usaha-usaha kami.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamu 'Alaikum Warahmatullah
Hi Wabarakatuh

Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah

Timbalan Menteri Kewangan merangkap Pengerusi BIBD



Prakata Pengarah Urusan



Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Pemegang Saham yang dihormati,

Alhamdulilah, saya dengan sukacitanya melaporkan satu lagi tahun yang telah memberikan pencapaian cemerlang bagi institusi kewangan utama Brunei Darussalam. 2013 merupakan tahun yang mencabar, walau dalam keadaan ekonomi yang stabil, akan tetapi secara realitinya keadaan adalah kekal statik.

Acara kemuncak pada tahun ini adalah pelancaran penjenamaan semula kami yang berslogankan "BerJiwa KeBruneian". Penjenamaan semula dihasratkan untuk menyelaraskan identiti Bank kepada warisan Brunei dan aspirasi negara di bawah Wawasan 2035. Ia sememangnya saat yang membanggakan bagi seluruh warga kerja di mana penjenamaan baru ini telah disempurnakan oleh, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, selaku Timbalan Sultan.

Dengan penjenamaan semula ini, kami juga telah meluaskan dan memperkenalkan imej baru ini kepada pengubahsuian rangkaian cawangan BIBD, dan In Sha Allah, proses ini akan terus dijalankan secara berperingkat dalam masa tempoh dua tahun yang akan datang.

Ulasan Operasi

Tahun 2013 adalah tahun terakhir bagi pelan strategik tiga tahun 2011-2013 kami. Rancangan strategik ini telah berakar umbi beberapa tema utama, di mana yang utama adalah untuk mengetengahkan identiti kebangsaan Bank dan mengukuhkan kedudukan kepimpinannya. Ini diharap telah dapat dicapai melalui:

- melabur di dalam meningkatkan keupayaan warga kerja dan infrastruktur, agar kita dapat memberikan tahap perkhidmatan yang lebih baik lagi kepada pelanggan kami;
- meningkatkan pengalaman pelanggan untuk mempertahankan dan mengembangkan penguasaan pasaran kami; dan
- mewujudkan budaya jualan dan perkhidmatan yang dinamik.

Pasukan BIBD telah mereka sebuah identity DNA perkhidmatan Bank dan mengusahakan satu pelan tindakan terperinci pada pelbagai peringkat perkhidmatan di mana adanya interaksi bersama pelanggan. Ini dan peningkatan akan datang akan berpaksikan empat tunggak, iaitu;

1. Dipercayai - Perkhidmatan yang disediakan oleh Bank adalah konsisten dan pelanggan boleh menjangka satu penyampaian perkhidmatan yang boleh dipercayai bagi memenuhi keperluan mereka;
2. Inovatif - Untuk menggalakkan budaya di mana Bank akan terus mengambil inisiatif untuk terus merangka inovasi dalam

3. Mudah - Untuk memastikan kita akan terus fokus dalam menghasilkan produk dan perkhidmatan yang mudah untuk difahami dan digunakan oleh para pelanggan.
4. Pemeduli – Untuk memastikan kita akan mengutamakan kepentingan pelanggan sebagai nadi penggerak setiap rumusan kita.

Perkhidmatan yang direka bentuk hanya boleh disampaikan secara efisien, apabila kita memahami keperluan para pelanggan dan membuat pelaburan yang diperlukan dalam infrastruktur, agar dapat menawarkan perkhidmatan dengan lebih baik. Dengan berjayanya perlaksanaan platform perbankan utama, kita seterusnya dapat memberikan tumpuan kepada usaha-usaha perlaksanaan beberapa inisiatif lain bagi meningkatkan lagi tahap pengalaman pelanggan secara menyeluruh.

Salah satu elemen penting yang amat besar adalah peningkatan kepada infrastruktur bagi memudahkan pelanggan untuk berinteraksi dengan kami pada bila-bila masa. Pelaburan berterusan dalam membimbing dan melatih pasukan Pusat Perhubungan kami dan menyediakan mereka dengan peralatan yang perlu, telah membolehkan Bank untuk mengendalikan hampir 20,000 panggilan sebulan dari pusat yang beribujabatkan di Brunei, yang dilayan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Pada musim sibuk, para pelanggan bolehlah memilih untuk mendapatkan perkhidmatan panggilan balik daripada kakitangan Pusat Perhubungan sejurus selepas talian kembali tersedia.

Kami juga ingin memastikan bahawa para pelanggan kami boleh menjalankan urusan perbankan mereka pada bila-bila masa, sama ada di dalam atau di luar negara. Perkhidmatan seperti pemindahan dan pembayaran ke mana-mana akaun BIBD, juga pada bank lain di Brunei Darussalam, atau pun kiriman wang ke luar negara, kesemuanya boleh dibuat dengan menggunakan telefon bimbit atau perkhidmatan internet secara selamat. Kami juga ingin memastikan bahawa perkhidmatan yang disediakan melalui alat-alat tersebut diperkaya dengan pelbagai ciri-ciri yang terkini.

Menjelang akhir tahun 2013, lebih daripada 85% pembayaran bil-bil utiliti (air, elektrik, telefon, telefon bimbit, dan lain-lain) serta pembayaran tetap yang lain seperti bil kad kredit, yuran sekolah atau derma kepada badan amal, kebanyakannya dibuat melalui telefon bimbit, ATM atau internet. Kami juga mendapati bahawa, para pelanggan BIBD masuk secara aktif pada kadar melebihi 425,000 kali dalam jangka masa sebulan, melalui penggunaan perkhidmatan mudah alih atau perbankan internet, untuk membuat pertanyaan ke atas baki akaun atau melakukan transaksi secara elektronik; yang mana telah memberikan pertumbuhan ke atas penggunaan elektronik, melebihi 240% bagi perkhidmatan mudah alih dan perbankan internet sepanjang 2013.

Para pelanggan juga aktif menggunakan khidmat perbankan mudah alih atau internet kami untuk pembelian isi-semula bagi telefon bimbit dan elektrik. Pada tahun yang sama, Bank juga melancarkan perkhidmatan e-wallet di bawah jenama, eTunai. Walaupun masih di peringkat awal, kami percaya bahawa perkhidmatan eTunai akan menjadi kaedah pilihan yang mudah bagi pembayaran pembelian yang kecil nilainya. Pelanggan juga kini lebih berminat untuk membuat penyelesaian segera melalui program hadiah, Hadiah Plus BIBD, di rakan-rakan niaga yang terpilih, melalui perkhidmatan eTunai atau semasa membuat pembelian isi-semula untuk telefon bimbit atau elektrik dengan menggunakan perkhidmatan perbankan mudah alih kami.

Kami juga mula menggalakkan para pelanggan agar mendaftar perkhidmatan isyarat SMS bagi pembelian melalui kad debit atau kredit mereka untuk mengelakkan penyalahgunaan. Manakala di dalam usaha kami untuk membantu menyumbang kepada kesejahteraan alam sekitar, kami juga menggalakkan para pelanggan untuk memilih penggunaan eStatements, bagi mengakses penyata bank mereka secara online. Di samping membantu memelihara alam sekitar, perkhidmatan yang tersedia ini juga dapat membantu para pelanggan untuk melindungi diri mereka daripada kehilangan identiti.

Kemajuan serta peningkatan ke atas perkhidmatan perbankan internet juga diterima dengan positif di kalangan pelanggan korporat dan pengusaha kecil dan sederhana (SME) Bank. Kami telah melihat peningkatan yang melebihi dua kali ganda dalam bilangan log-on masuk dan lebih daripada sembilan belas kali ganda pertumbuhan ke atas jumlah urus niaga pada 2013.

Prestasi kewangan

Ketiga-tiga teras bagi perniagaan Bank telah memperlihatkan prestasi yang baik pada 2013. Deposit keseluruhan bagi Kumpulan meningkat daripada BND4.896 bilion kepada BND5.003 bilion. Dan sebahagian besar daripada deposit ini diperolehi dari segmen Pengguna dan Korporat Bank.

Portfolio pembiayaan bersih bagi Kumpulan mengalami pertumbuhan yang teguh sebanyak 18.2%, dari BND2.339 bilion kepada BND2.764 bilion. Portfolio pembiayaan Bank pula meningkat kira-kira 18.8% dari BND1.904 bilion kepada BND2.262 bilion, manakala bagi anak syarikat kewangan pengguna kami, portfolio pembiayaan BIBD At-Tamwil telah meningkat sebanyak 13.8%.

Di peringkat Kumpulan, jumlah Pendapatan meningkat daripada BND275.9 juta kepada BND282.0 juta, peningkatan yang sederhana sebanyak 2.2%. Sumbangan daripada perniagaan Perbankan Pengguna telah menghasilkan jumlah pendapatan sebanyak BND111.9 juta, menurun daripada BND117.5 juta pada tahun lepas, yang disebabkan oleh pendapatan luar biasa berjumlah BND13.3 juta pada tahun 2012.

Pendapatan Perbankan Korporat telah meningkat sebanyak 19.9% daripada BND31.6 juta pada tahun 2012 kepada BND37.9 juta pada tahun 2013, sementara Perbankan Institusi, khususnya melalui perkhidmatan Perbendaharaannya telah memperlihatkan peningkatan sebanyak 9.2%, iaitu daripada BND56.7 juta kepada BND61.9 juta.

Bahagian Pungutan dan Pemulihan juga telah memperlihatkan penglibatan yang sangat aktif pada tahun ini di mana usaha-usaha mereka membawa kepada pendapatan pemulihan yang melebihi BND11.4 juta.

Ketidaktentuan dalam pasaran kewangan global bermakna bahawa Bank mengambil penjejasan pelaburan daripada BND5.6 juta pada tahun ini. Penjejasan bagi kerugian pembiayaan secara keseluruhan meningkat daripada BND4.5 juta pada tahun 2012, kepada BND11.6 juta pada tahun 2013. Peningkatan ini disebabkan oleh meningkatnya portfolio pembiayaan Bank yang mengakibatkan kenaikan bagi peruntukan am sebanyak BND3.6 juta dan juga pada peruntukan khusus sebanyak BND3.5 juta.

Perlaksanaan kadar deposit minima oleh pihak berkuasa dan peningkatan dalam deposit Bank secara keseluruhan telah memberikan peningkatan kepada kos dana daripada BND13.9 juta pada tahun 2012 kepada BND16.2 juta pada tahun 2013.

Walaupun kami terus berusaha dalam pelaburan sumber manusia dan prasarana, kami tetap memberikan tumpuan terhadap pengawalan kos di mana secara keseluruhan kekal pada kira-kira BND100 juta (2012 - BND100 juta).

Persekutuan prasaran BIBD At-Tamwil terus kekal menggalakkan yang mana telah membolehkan mereka untuk muncul sebagai syarikat pembiayaan yang paling menguntungkan di Negara Brunei Darussalam. Pendapatan bersih selepas peruntukan dan kos dana telah meningkat kira-kira 16.9% daripada BND32.6 juta kepada BND38.1 juta. Kos operasi meningkat sebanyak 10% daripada BND10.0 juta kepada BND11.0 juta. Keuntungan sebelum zakat dan cukai juga telah meningkat sebanyak 20.4% daripada BND22.5 juta kepada BND27.2 juta, manakala keuntungan bersih selepas cukai bertambah daripada BND18.4 juta kepada BND26.4 juta. Penyumbang utama kepada peningkatan dalam keuntungan selepas cukai adalah disebabkan oleh pembalikan peruntukan lebuh-zakat sebanyak BND2.4 juta pada tahun ini.

Daripada jumlah pendapatan bersih Kumpulan sebanyak BND242.2 juta selepas kos dana, sebanyak BND53.4 juta telah digunakan untuk pembayaran gaji dan faedah lain kepada warga BIBD dan Kumpulan, BND46.0 juta digunakan bagi perbelanjaan operasi, BND2.9 juta untuk pembayaran Zakat dan sebanyak BND27.5 juta bagi pembayaran cukai kepada kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Ini memberikan jumlah baki sebanyak BND114.0 juta yang disediakan sebagai pembentukan nilai

bersih untuk pemegang saham kami, di mana dividen sebanyak BND0.04 sesaham telah dicadangkan dan akan dibayar pada tahun 2014. Jumlah selebihnya pula akan dipindahkan kepada rizab berkanan bagi mengukuhkan lagi kunci kira-kira bank bagi pertumbuhan nya di masa depan.

Pencapaian Lain

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada BIBD At-Tamwil kerana memenangi anugerah dalam Kategori Emas di Anugerah Quality Crown International yang berprestij. Kemenangan ini adalah sebagai tambahan kepada anugerah yang telah dimenangi oleh Bank sendiri, yang memberi contoh dan melambangkan hasil usaha yang telah dilaksanakan dengan giat oleh BIBD dan Kumpulan anak syarikatnya, serta warga kerjanya dalam terus membangunkan BIBD untuk menjadi sebuah institusi yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Pada tahun ini, kemunculan Bank di peringkat antarabangsa terserlah melalui penglibatan kami sebagai Pengurus Utama Bersama bagi Sukuk Al-Hilal Bank yang berjumlah AS\$500m dan Sijil Amanah Islam Swiber Capital yang berjumlah SGD150juta. Dengan tawaran ini, BIBD telah dianugerahkan "Best Local Currency Bond Deal of the Year in Southeast Asia", pada majlis Anugerah Tahunan Alpha Southeast Asia Tawaran & Penyelesaian yang ke-7 bagi tahun 2013.

Propsek

Ingin saya memberi penekanan yang lebih ke atas kepentingan bagi BIBD untuk mengekalkan status sebagai sebuah institusi kewangan yang utama di Brunei. Dengan kemajuan yang telah dilalui kebelakangan ini, ianya membolehkan kami untuk memperluaskan lagi aktiviti-aktiviti pasaran tempatan, namun kami haruslah juga bersiap sedia dalam menghadapi apa jua cabaran yang akan datang, bagi memastikan kejayaan yang berterusan untuk BIBD di masa hadapan.

Sebagaimana yang dinyatakan, Bank mempunyai masa depan yang cerah, dan InsyaAllah, kami akan terus mengukuhkan kedudukan untuk menjadi sebuah institusi kewangan yang boleh dibanggakan oleh Negara Brunei Darussalam, bukan sahaja menguatkan lagi kedudukan Bank di pasaran tempatan, tetapi juga rangkaian global kami.

Kami menyedari bahawa kekuatan nadi utama Bank adalah kakitangannya, dan dengan kesedaran ini kami akan terus melabur ke atas mereka. Ini adalah bertujuan untuk memastikan penyampaian yang menyeluruh kepada pendekatan perkhidmatan yang "Berjiwa KeBruneian" yang memberi definisi evolusi Bank kebelakangan ini. Kami juga terus berusaha untuk mengembangkan lagi bakat warga kerja kami dengan hasrat untuk melahirkan satu pasukan yang terlatih dan akan dapat memberikan perkhidmatan pelanggan yang berkualiti tinggi. Selaras dengan usaha ini, kami akan melahirkan kumpulan

pertama iaitu seramai 23 orang Perancang Kewangan Islam, yang akan menamatkan latihan dan akan menerima sijil perakuan mereka tidak lama lagi. Sementara itu, kontingen pelatih seterusnya telahpun bersiap untuk melalui latihan yang sama, dan dijangka akan bersedia untuk menyampaikan perkhidmatan yang lebih berkesan kepada pelanggan pada tahun 2014.

Kami juga akan terus melabur dalam mempertingkatkan saluran-saluran yang sedia ada, bagi terus memelihara amanah dan dedikasi yang telah diberikan kepada Bank oleh para pendeposit, di samping menyediakan kemudahan yang terbaik untuk para pelanggan menjalankan urusan perbankan harian mereka.

Ucapan Penghargaan

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada para pengawal selia kami iaitu, Autoriti Monetari Brunei Darussalam, Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah, Badan Penasihat Syariah BIBD serta sumbangan daripada Lembaga Pengarah BIBD di atas kepimpinan, visi dan komitmen ke arah kecemerlangan.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada mantan Pengerusi BIBD, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, juga kepada Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Metussin bin Haji Bakri, Timbalan Pengerusi Badan Penasihat Syariah BIBD beserta ahli-ahli lain, Yang Mulia Dr Dayang Hajah Masnon binti Haji Ibrahim, dan Yang Mulia Awang Haji Muhammad Shukri bin Haji Ahmad, di atas segala sokongan dan bimbingan mereka, yang sentiasa meletakkan dan memberikan keutamaan kepada kepentingan BIBD, dan dalam masa yang sama, memastikan penglibatan BIBD di dalam komuniti.

Saya juga secara peribadi ingin mengucapkan terima kasih kepada semua warga BIBD dan Kumpulan syarikatnya, di atas usaha gigih yang tidak berkesudahan serta kesetiaan mereka, semoga Allah SWT memberkati segala usaha dan dedikasi yang telah diberikan ke arah pertumbuhan BIBD.

Akhir sekali, jutaan terima kasih saya kepada para pelanggan, rakan kongsi dan para pemegang saham di atas kepercayaan, naungan dan sokongan berterusan mereka terhadap tujuan, matlamat dan kepercayaan kami.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamu 'Alaikum Warahmatullah
Hi Wabarakatuh

Javed Ahmad
Pengarah Urusan



Lembaga Pengarah

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah

Timbalan Menteri Kewangan

Pengerusi

Yang Mulia Dato Bahrin merupakan Timbalan Menteri di Kementerian Kewangan. Beliau telah memegang beberapa jawatan penting dalam Kementerian Kewangan dan BIA. Yang Mulia Dato juga berkhidmat sebagai Pengerusi RB, syarikat penerbangan Negara Brunei Darussalam, Pengarah bagi DST Group, dan juga ahli Lembaga Pengarah untuk BSP, Brunei LNG Sdn Bhd (BLNG) dan beberapa gabungan syarikat di bawah pengurusan BIA. Yang Mulia Dato Bahrin mempunyai kelulusan MBA dari University of Strathclyde, Scotland dalam Pengurusan Strategik dengan pengkhususan dalam jurusan Kewangan.

Yang Mulia Awang Junaidi bin Haji Masri

Penolong Pengarah Urusan,

Agensi Pelaburan Brunei (BIA)

Pengarah

Yang Mulia Awang Junaidi kini merupakan Penolong Pengarah Urusan di BIA. Sebelum ini beliau adalah Pengarah dan Ketua Venture Capital dan Pelaburan Strategik di agensi yang sama, di mana beliau menguruskan pelaburan-pelaburan BIA di peringkat global. Beliau juga adalah ahli Lembaga Pengarah di Fajr Capital sebagai wakil Kerajaan Negara Brunei Darussalam. Yang Mulia Awang Junaidi adalah pemegang Ijazah B.Sc (Sains Komputer dan Pengurusan) dari Keele University, United Kingdom.

Yang Mulia Awang Iqbal Ahmad Khan

CEO Fajr Capital plc

Pengarah

Yang Mulia Awang Iqbal memegang jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Fajr Capital Group. Beliau juga merupakan ahli Lembaga Pengarah BIBD, Jadwa Investments dan MENA Infrastructure. Sebelum ini, beliau merupakan Ketua Pegawai Eksekutif yang telah mengasaskan Bahagian Perkhidmatan Kewangan Islam global Kumpulan HSBC, HSBC Amanah. Beliau adalah seorang penyokong kukuh industri perkhidmatan kewangan Islam, sambil berkhidmat sebagai penasihat kepada inisiatif-inisiatif kerajaan di UK, UAE, dan Malaysia. Beliau mempunyai Ijazah Sarjana dalam bidang Sains Politik dan Perhubungan, dan Ijazah Sarjana Muda dalam Fizik dan Kimia Antarabangsa, kedua-duanya dari Aligarh Muslim University. Beliau juga penerima Anugerah DiRaja dalam Kewangan Islam oleh Kebawah Duli Raja Malaysia pada tahun 2012, dan telah diiktiraf oleh Euromoney pada tahun 2006 di atas sumbangannya yang cemerlang di dalam kewangan Islam.

Yang Mulia Awang Dr Jan Hendrik van Greuning

Pengarah & Pengerusi Komiti Audit,

Kewangan dan Risiko BIBD

Yang Mulia Dr Jan Hendrik berkhidmat sebagai Pengarah bukan Eksekutif di dalam Lembaga Pengarah BIBD. Sebelum ini beliau memegang jawatan sebagai Penasihat Kanan di Perbendaharaan World Bank, dengan tumpuan kepada isu-isu Pengurusan Risiko Operasi di dalam bidang-bidang Perbendaharaan dan juga Perbankan Islam. Beliau juga berkhidmat sebagai ahli Lembaga FirstRand Limited (satu bank syarikat induk yang tersenarai). Beliau pernah mengajar kelas Sarjana dalam Kewangan di George Washington University selama beberapa tahun dan menjadi pengarang bersama enam edisi penerbitan World Bank berhubung dengan Laporan Piawaian Kewangan Antarabangsa (IFRS - Satu Panduan Praktikal). Beliau juga pengarang bersama buku mengenai risiko perbankan konvensional dan Islam, yang telah diterjemahkan ke dalam lebih daripada 15 bahasa. Beliau adalah pemegang ahli berkanun CFA dan berkelayakan sebagai Aktauntan Berkanun di Afrika Selatan dan Kanada. Beliau juga memegang Ijazah Doktor Falsafah dalam kedua-dua Sains Perakaunan dan Ekonomi Kewangan.

Yang Mulia Awang Abdulaziz Mohammed Alsubeaei

Lembaga Pengarah Syarikat Pelaburan

Mohammed Alsubeaei & Sons (MASIC)

Pengarah

Yang Mulia Abdulaziz Alsubeaei memegang jawatan sebagai Lembaga Pengarah dan ahli Jawatankuasa Eksekutif bagi MASIC. Pada awal tahun 2000, syarikat MASIC telah berkembang menjadi di antara 50 syarikat terbaik di Arab Saudi. Pelaburan-pelaburannya termasuk; perkhidmatan kewangan, harta tanah, pertanian (akuakultur), pembinaan, industri dan runcit. Beliau juga adalah ahli Jawatankuasa pengasas Bank Al-Bilad, dan ahli Lembaga Pengarah untuk Jadwa Investment. Beliau juga ahli Lembaga Pengarah untuk Farabi Petrokimia Co. Ltd. Beliau juga dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Pelaburan dan ahli Jawatankuasa Strategik di Fajr Capital. Yang Mulia Abdulaziz juga merupakan ahli Lembaga Tanggungjawab Sosial untuk Syarikat-syarikat di Riyadh. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Wakaf dan Pelaburan dan ahli komiti Wakaf di Chamber of Commerce.

Yang Mulia Awang Javed Ahmad

Pengarah Urusan

Pengarah

Beliau telah berkhidmat dengan BIBD sejak tahun 2008. Beliau adalah salah seorang ahli pengasas Fajr Capital, dengan pengalaman kerjaya perbankan menjangkau melebihi 22 tahun dan telah bekerja di London, Bahrain, Kuala Lumpur dan Riyadh. Beliau pernah menjadi Pengarah Urusan HSBC Amanah, London dan juga pernah mengetuai francais HSBC Amanah di Arab Saudi. Beliau mempunyai rekod kejayaan yang panjang di dalam perniagaan pengurusan kekayaan global, kewangan pengangkutan dan urus niaga kewangan korporat dalam Kewangan Islam. Beliau sebelum ini berkhidmat sebagai Pengurus Awam RHB Sakura Merchant Bankers Berhad dan juga di Kumpulan DMI. Yang Mulia Javed berkelayakan MBA dari University of Bradford, United Kingdom dan juga ahli bersekutu bagi Chartered Institute of Management Accountants (CIMA), United Kingdom. Beliau adalah Pengerusi untuk Pusat Kargo Antarabangsa, Brunei International Airport, ahli Lembaga Pengarah bagi RB, BIBD Sekuriti, Takaful Brunei Berhad dan BIBD At-Tamwil.

Yang Mulia Dr Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin

Timbalan Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, dan Ketua Pegawai Eksekutif

Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB)

Director

Sebelum menyertai BEDB, Dr Manaf menghabiskan 7 tahun di Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) di Jabatan Perdana Menteri, memegang jawatan sebagai Penolong Pengarah Perancangan dan akhirnya menjadi Pengarah Dasar dan Penyelaras. Sebelumnya, beliau berkhidmat sebagai Timbalan Dekan Fakulti Perniagaan, Pengajian Ekonomi dan Dasar di Universiti Brunei Darussalam. Di peringkat antarabangsa, Dr Manaf telah terlibat sebagai ahli NETWORK daripada EAST ASIA PEMIKIR (NEAT), serta EAST ASIA Kumpulan VISI. Beliau kini merupakan ahli lembaga Sungai Liang Authority, Centre for Strategic and Policy Studies (CSPS) dan ahli kehormat lembaga gabenor Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Dr Manaf mempunyai ijazah Kejuruteraan Mekanikal dari University of Leeds, UK, MSc Kejuruteraan Pembinaan Sistem dari Universiti Bradford, UK dan Doktor Falsafah dalam Pengurusan dari University of Kent, United Kingdom.

Yang Mulia Awang Mozart bin Haji Brahim

Ketua Seksyen (Pelaburan), Bahagian Pelaburan, Kementerian Kewangan

Pengarah Gantian bagi Awang Junaidi bin Haji Masri

Sebelum ini beliau telah berkhidmat sebagai Pengurus Kanan di Venture Capital dan Pelaburan Strategic di BIA dan telah menguruskan pelaburan-pelaburan BIA di peringkat global. Awang Mozart adalah pemegang Ijazah B.Eng dalam Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar dari Universiti Leeds, United Kingdom.



Badan Penasihat Syariah

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Suhaili bin Haji Mohiddin

Timbalan Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam dan Hakim Mahkamah Rayuan Syariah

Pengerusi

Yang Dimuliakan Pehin Dato Hj Suhaili merupakan Timbalan Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam dan ahli Majlis Ugama Islam.

Yang Dimuliakan Pehin juga dilantik sebagai Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Ahli Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah (LPKS) di Kementerian Kewangan Negara Brunei Darussalam, Timbalan Penggerusi Badan Penasihat Syariah bagi Syarikat Takaful Brunei Darussalam, ahli Majma' Al-Fiqh Islam Antarabangsa (International Islamic Fiqh Academy), OIC Jeddah.

Yang Dimuliakan Pehin mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Tafsir dan hadis dari Universiti Al Azhar, Mesir dan Diploma dalam

Commonwealth and Overseas Education Administration, University of Birmingham.

Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang

Kaya Maharaja Lela Haji Yussof

Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama

Timbalan Pengerusi

Yang Mulia Dato memegang jawatan sebagai Setiausaha Tetap di Kementerian Hal Ehwal Ugama. Beliau juga merupakan Ahli

Lembaga Pengarah bagi Syarikat Takaful Brunei Darussalam dan Wafirah & Ghanim Sdn. Bhd. Beliau memegang Ijazah-ijazah Sarjana Muda dalam bidang Undang-Undang dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan bidang Usuluddin dari Universiti Al-Azhar, Mesir.

Yang Mulia Awang Dr Haji Mazanan bin Haji Yusof

Ketua Pegawai Penyelidik Ugama di Jabatan Mufti Kerajaan Ahli

Yang Mulia Awang Haji Mazanan ialah Ketua Pegawai Penyelidik

Ugama di Jabatan Mufti Kerajaan di Negara Brunei Darussalam.

Beliau juga memegang jawatan sebagai ahli Badan Penasihat Syariah Syarikat Takaful Brunei Darussalam. Beliau memegang Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam Pengajian Islam dan Ijazah Sarjana Pengajian Islam dari Universiti Kebangsaan Malaysia, dan Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dari Universiti Al Azhar, Mesir.

Yang Mulia Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani

Pengarah Pusat Pengajian Lepas Ijazah dan Penyelidikan Universiti Sultan Shariff Ali (UNISSA) Ahli

Yang Mulia Dr Abdul Nasir merupakan Pensyarah Kanan Fakulti Perniagaan dan Sains Pengurusan dan Pengarah Pusat Pengajian Lepas Ijazah dan Penyelidikan di UNISSA. Beliau memegang

Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Ekonomi dan Pentadbiran Muamalat dari Universiti Sains Islam Malaysia, Ijazah Sarjana Ekonomi dan Perbankan Islam dari Universiti Yarmouk, Jordan dan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam Syariah dari Universiti Brunei Darussalam.

Yang Mulia Awang Haji Hardifadhillah bin Haji Mohd Salleh Ketua Pegawai Penguatkuasaan Agama, Kementerian Hal Ehwal Ugama

Setiausaha-Bersama

Yang Mulia Awang Haji Hardifadhillah merupakan Ketua Pegawai Penguatkuasaan Agama di Kementerian Hal Ehwal Ugama. Beliau memegang Ijazah Sarjana Perundangan dari Universiti Monash, Australia, Ijazah Sarjana Muda Syariah dari Universiti Al-Azhar, Mesir, dan Diploma Perundangan Islam dan Guaman Syarie dari Universiti Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Hajah Hanifah binti Haji Jenan

Shariah, BIBD

Setiausaha-Bersama

Yang Mulia Dayang Hajah Hanifah merupakan ketua Jabatan Syariah di BIBD. Beliau memegang Diploma Undang-Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Ijazah Sarjana Muda Syariah (Hons) dari Universiti Malaya.

**Awang Javed Ahmad**

Pengarah Urusan

Beliau merupakan ahli pengasas Fajr Capital dengan pengalaman kerjaya perbankan menjangkau melebihi 22 tahun bekerja di London, Bahrain, Kuala Lumpur, dan Riyadh. Beliau pernah memegang jawatan Pengarah Urusan HSBC Amanah, London dan juga pernah mengetui francais HSBC Amanah di Arab Saudi. Beliau sebelum ini berkhidmat sebagai Pengurus Besar RHB Sakura Merchant Bankers Berhad dan juga di Kumpulan DMI. Beliau berkelulusan MBA dari University of Bradford, United Kingdom dan juga ahli bersekutu Institut Berkanun Akauntan Pengurusan (Chartered Institute of Management Accountants, CIMA), United Kingdom.

Hajah Noraini Haji Sulaiman

Ketua Pegawai Kewangan merangkap Timbalan Pengarah Urusan



Hajah Noraini sebelum ini memegang jawatan Pemangku Pengarah Urusan Syarikat Takaful Brunei Darussalam, yang dipinjamkan dari BIBD. Beliau juga merupakan Ketua Kewangan bagi Islamic Bank of Brunei, dan juga telah memegang beberapa jawatan perakaunan dan kewangan dalam syarikat-syarikat Brunei lain termasuk Brunei Shell Petroleum Sdn Bhd. Beliau juga merupakan pengarah kepada BIBD At-Tamwil Berhad, BIBD Securities, Perkhidmatan Pengurusan IDBB, Tabung Amanah Pekerja (TAP) and Pengerusi bagi Komiti Audit TAP. Beliau merupakan ahli Fellow Persatuan Akauntan Bertauliah dan juga ahli Majlis Piawaian Perakaunan Brunei Darussalam.

Awang Haji Minorhadi Haji Mirhassan
Ketua Perbankan Institusi & Pengarah Urusan BIBD Securities

Awang Haji Minorhadi mempunyai pengalaman lebih daripada 20 tahun dalam bidang Perbankan Komersil. Beliau juga telah berkhidmat lebih 15 tahun dengan HSBC Brunei, mengetui dalam bahagian Perbankan Pengguna, Korporat dan Institusi. Beliau juga pernah memegang jawatan sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif di Islamic Development Bank of Brunei (IDBB) dan juga sebagai Setiausaha Kehormat & Bendahari bagi Persatuan Bank-Bank Brunei (BAB). Beliau juga memegang ijazah MBA dari Singapore Management University.

**Dr Gyorgy Ladics**
Ketua Pegawai Operasi

Beliau mempunyai pengalaman 20 tahun dalam perbankan. Sebelum ini, beliau memegang jawatan Ketua Pegawai Maklumat untuk perkembangan pasaran di Barclays. Di Barclays, beliau telah membolehkan pengembangan geografi dan kemasukan ke pasaran baru seperti India, Pakistan, Rusia; pelancaran semula perniagaan di UAE, Mesir dan Uganda dengan menyediakan keupayaan perniagaan yang penting. Beliau juga seorang ahli utama untuk aktiviti-aktiviti M&A dan integrasi untuk Barclays dan telah menyelesaikan integrasi Uganda Nile Bank dan Rusia Expobank ke dalam Barclays. Sebelum menyertai Barclays beliau merupakan Naib Presiden di Citigroup – Wilayah Eropah Tengah, di mana beliau telah memegang pelbagai jawatan kanan. Jawatan-jawatan ini termasuk: Ketua Operasi dan Teknologi - Republik Czech, Ketua Teknologi untuk Wilayah Tengah Eropah, Pegawai Operasi Kanan - Hungary. Di Eropah Tengah, beliau telah mengetui penyeragaman dan usaha migrasi ke platform bagi model strategik teknologi dan operasi. Di Hungary beliau mengetui usaha teknologi integrasi bank Pengguna ING ke dalam Citibank. Beliau memegang Ijazah Sarjana dalam Kejuruteraan Elektrik dan Informatik dan Ijazah Doktor Falsafah dari Budapest University of Technology and Economics.

Hein Jan Smit
Ketua Pegawai Risiko

Hein Jan Smit mempunyai lebih dari 17 tahun pengalaman di dalam dunia perbankan. Beliau mulakan kerjayanya dengan ABN AMRO Bank di Belanda pada tahun 1997 sebagai pengurus pelatih dan pada tahun 2004 beliau telah dipindahkan ke Singapura menjadi ketua Audit Asia bagi keseluruhan operasi komersil perbankan dan risiko. Pada tahun 2007, beliau telah dilantik sebagai Ketua Kajian Risiko Asia untuk ABN AMRO Bank dengan bertanggungjawab untuk menguruskan Kajian Risiko Kredit serantau untuk BU Asia (16 negara). Pada tahun 2010, beliau telah dilantik sebagai Pegawai Risiko Eksekutif untuk RBS China di Shanghai. Dalam peranan ini, beliau bertanggungjawab ke atas Kredit, Operasi, Pasaran & Risiko Kecairan dan Peraturan Risiko & Pematuhan untuk francais RBS di China (800 + FTE), memimpin pasukan yang melebihi 25 kakitangan bahagian risiko. Pada bulan Oktober 2012, beliau menyambung kerjaya beliau sebagai Ketua Pegawai Risiko bagi BIBD, memimpin pasukan pengurusan Risiko dan meningkatkan lagi rangka pengurusan risiko untuk ke semua disiplin risiko (Kredit, Operasi, Pasaran, & Risiko Kecairan). Beliau memiliki Ijazah Sarjana Sains dalam Pentadbiran Perniagaan, Kewangan & Ekonomi dari Groningen Rijks University dan Ijazah Sarjana Eksekutif dalam Audit Dalaman dari University of Amsterdam.

Koh Swam Sing
Ketua Perbankan Korporat

Beliau mempunyai pengalaman luas dalam bidang perbankan korporat, operasi dan risiko kredit. Beliau mulakan kerjayanya dengan The Island Development Bank Bhd pada tahun 1983. Beliau seterusnya memegang pelbagai jawatan di bahagian operasi, pentadbiran dan pengurusan kredit. Sebagai salah satu daripada ahli-ahli perintis Bank, beliau mengambil bahagian dalam transformasi Bank kepada sistem kewangan Islam dan telah memainkan peranan penting dalam memperkenalkan beberapa produk dan perkhidmatan teras Bank. Pada masa ini, beliau memegang jawatan sebagai Ketua Bahagian Perbankan Korporat yang diamanahkan untuk membina portfolio Perbankan Korporat, untuk menyokong perniagaan tempatan, terus menyumbang kepada pertumbuhan infrastruktur Negara Brunei Darussalam.

**Imran Samee**

Ketua Perbankan Pengguna

Imran Samee membawa bersamanya pelbagai pengalaman dalam perbankan pengguna kepada BIBD, setelah bekerja dalam industri ini selama lebih 20 tahun dan pernah memegang peranan kanan di Perbankan Pengguna dengan bank-bank di seluruh Timur Tengah dan Asia Pasifik. Sebelum menyertai BIBD, beliau telah membantu untuk menubuhkan Al Khalij Commercial Bank di Qatar, berkhidmat sebagai Ketua Kumpulan Perbankan Pengguna dan kemudian sebagai Ketua Pegawai Eksekutif untuk anak syarikatnya- BetaQat – satu pembekal perkhidmatan pemrosesan bagi institusi kewangan GCC. Beliau juga pernah menjadi Ketua Kumpulan Perbankan Pengguna untuk Dubai Bank, dan berjaya menukar operasinya menjadi patuh Syariah. Beliau juga pernah menjadi Pengurus Besar Mashreqbank Qatar, dan membawa perubahan ke dalam operasi perbankan pengguna sepenuhnya. Beliau memulakan kerjayanya dengan Citigroup, berkhidmat di Citibank Pakistan dan kemudian di Saudi American Bank. Imran memegang Ijazah BSc (Kepujian) dalam Ekonomi dari London School of Economics and Political Science.

Dayangku Fatimah Pengiran Haji Jadid

Ketua Sumber-Sumber Manusia



Dayangku Fatimah telah berkhidmat dalam industri perbankan sejak 1991. Beliau memulakan kerjayanya sebagai Eksekutif Kanan Kerajaan Negara Brunei Darussalam, di mana beliau telah berkhidmat selama 11 tahun. Beliau menjadi ahli Lembaga Temuduga Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang bertanggungjawab bagi pengambilan tenaga manusia (dalam dan luar negara) bagi Jabatan Perkhidmatan Awam Kerajaan Brunei. Sebelum menyertai BIBD, beliau merupakan Ketua Sumber Manusia dan Pembangunan Pekerja di HSBC Brunei. Dayangku Fatimah memegang MSc dalam Pemrosesan Maklumat dari University of York, UK dan BSc dalam Sains Komputer dari University of Brighton, UK. Beliau merupakan seorang pengamal berlesen dalam penggunaan Alat Penilaian Saville & Holdsworth.

Hajah Normah Haji Ismail

Timbalan Ketua Pegawai Operasi



Hajah Normah membawa pengalaman perbankan lebih 34 tahun di dalam bidang risiko pelanggan dan risiko pengurusan operasi, di dalam perkhidmatan pelanggan dan juga bahagian fungsi penyokongan. Beliau mempunyai kejayaan-kejayaan di dalam menyiapkan dan melaksanakan tugas proses peningkatan perniagaan, penyampaian piawaian perkhidmatan, di samping juga aktif dalam menyampaikan aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat dan acara-acara sukan. Hajah Normah juga merupakan pemegang tali pinggang hijau Six Sigma.

**Hajah Nurul Akmar Haji Md Jaafar**

Timbalan Ketua Perbankan Pengguna

Hajah Nurul telah berkhidmat lebih 18 tahun bersama BIBD dalam bidang-bidang Kewangan dan Perbankan Pelaburan. Portfolio beliau sekarang termasuklah pengurusan Bahagian Jualan & Pengedaran, Perbankan Pengguna. Beliau mempunyai pengalaman dalam berbagai peringkat kemajuan BIBD melalui penglibatan di pelbagai projek seperti transformasi sistem IT, peningkatan proses perniagaan, inovasi produk dan juga meningkatkan pengalaman pelanggan melalui reka-bentuk semula cawangan serta projek penjenamaan semula Bank. Beliau telah ditugaskan untuk merintis penubuhan program-program CSR BIBD yang menekankan nilai-nilai korporat dan penghayatan penjenamaan 'Berjiwa KeBruneian' dengan inisiatif-inisiatif utamanya termasuk BIBD Sirah Amal dan BIBD ALAF. Hajah Nurul berkelulusan BA Perakaunan dan Kewangan dari United Kingdom dan merupakan penerima biasiswa IBB sebelum menyertai Bank pada tahun 1995.

**Hajah Hanifah Haji Jenan**

Pengurus Syariah

Hjh Hanifah mempunyai hampir sepuluh tahun pengalaman perbankan yang meliputi khidmat nasihat undang-undang dan pemulihan dan juga mengenai hal ehwa Perbankan Pengguna. Beliau juga mempunyai pengalaman yang luas dalam bahagian Unit Kawalan Dokumentasi, Jabatan Syariah, dan dalam bidang Takaful semasa dipinjamkan untuk berkhidmat di BIBD Takaful. Sebelum menyertai sektor perbankan, beliau menghabiskan masa selama tiga tahun mengamalkan undang undang Syariah, mengendalikan hal-hal perkahwinan dan jenayah Islam di mahkamah-mahkamah Syariah di Kuala Lumpur dan Brunei. Hajah Hanifah berkelulusan BA (Hons) dalam Syariah dari Universiti Malaya dan Diploma dalam Undang-undang Pentadbiran Kehakiman Islam dari IIUM. Beliau juga adalah seorang Perancang Kewangan Islam bertauliah dari Al-Hijrah Consultancy. Beliau kini sedang mengikuti Program Fiqh Muamalat Profesional di CIBFM Brunei.

**Irwan Lamit**

Pengarah Urusan BIBD At-Tamwil Berhad

Irwan Lamit adalah Pengarah Urusan dan juga ahli Lembaga Pengarah di BIBD At-Tamwil sejak 2006. Beliau mempunyai kelayakan sebagai Akauntan Berkanun dan merupakan ahli Persatuan Akauntan Bertauliah (ACCA), serta memegang B.Sc (Kepujian) dalam Aplikasi Perakaunan. Sebelum menyertai BIBD At-Tamwil Berhad, beliau telah bekerja sebagai akauntan di Syarikat Brunei Shell Marketing Sdn Bhd.

Profil Korporat

BIBD adalah sebuah bank terbesar dan institusi kewangan Islam yang utama di Negara Brunei Darussalam. Ia ditubuhkan pada tahun 2005, hasil gabungan dua buah institusi kewangan Islam tempatan sebelumnya, iaitu The Islamic Bank of Brunei dan Islamic Development Bank of Brunei. The Islamic Bank of Brunei mula ditubuhkan pada Februari 1981 sebagai Island Development Bank dan ditukarkan menjadi sebuah bank Islam yang pertama di Negara Brunei Darussalam pada Januari 1993. Sementara itu, Development Bank of Brunei (DBB) mula beroperasi pada 31 Mac 1995, kemudian bertukar kepada operasi berdasarkan kepada garis-panduan Islam pada 1 Julai 2000 dan bertukar nama kepada Bank Pembangunan Islam Brunei (IDBB).

Pada tahun 2013, BIBD telah memperkenalkan identiti barunya dengan menaik-taraf keseluruhan penyampaian paradigma perkhidmatan Bank dan reka bentuk cawangannya. BIBD telah mengenalkan persekitaran cawangan Bank yang

menggambarkan kanvas penerapan prinsip kelslaman di Negara Brunei Darussalam. Identiti BIBD yang baru ini memperlihatkan kelainan yang jelas berbanding institusi-institusi kewangan lain di Negara Brunei Darussalam, menjadikan identiti "Berjiwa KeBruneian" sebagai tanda aras kepada penyampaian perkhidmatan yang akan diberikan. Penggabungan kesemua usaha ini meletakkan BIBD di kedudukan yang lebih kukuh untuk menepati hasrat bergerak maju di arena tempatan dan antarabangsa.

Pemegang Saham

- Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam
- Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah
- Fajr Capital Berhad
- Lebih 6,000 pelabur individu

Jangkauan Pasaran

BIBD beribu pejabat di Bandar Seri Begawan, dan mempunyai

lima belas cawangan yang terletak di lokasi strategik di keempat-empat buah daerah, serta rangkaian ATM terbesar di Negara Brunei Darussalam. BIBD terus menerajui keunggulannya di pasaran Brunei dari segi aset, pembiayaan dan deposit.

Sebagai sebahagian daripada usaha Bank yang berterusan untuk memberikan pengalaman perbankan yang terbaik, BIBD menyediakan satu-satunya Pusat Perhubungan 24-7 yang serba lengkap di Negara ini, sebagai tambahan kepada perkhidmatan berinovasi seperti BIBD Mobile dan BIBD Online yang sedia ada.

BIBD juga telah melanjutkan waktu operasi beberapa cawangannya untuk memenuhi pelbagai keperluan para pelanggan Bank. Semua ini bagi membolehkan para pelanggan untuk menggunakan perkhidmatan BIBD bila-bila masa dan di mana sahaja mereka berada.

Sorotan Kewangan

BIBD merupakan institusi kewangan utama Negara Brunei Darussalam yang jelas digambarkan melalui kedudukan di penghujung tahun kewangan 2013, di mana jumlah aset Kumpulan berjumlah melebihi B\$6 bilion dan dengan keuntungan bersih selepas Zakat dan cukai lebih B\$114 juta. Dengan Nisbah Modal (Peringkat 1) melebihi B\$ 1,110 juta dan jumlah Nisbah Kecukupan Modal sebanyak 24.3%, BIBD jelas mempunyai kemampuan untuk memperluaskan lagi perniagaannya. BIBD telah dapat mengekalkan peruntukan dan polisi penghapus hutang lapuk yang konservatif, di samping menyediakan aliran bayaran dividen yang konsisten kepada para pemegang saham.

Perkhidmatan

BIBD menyediakan pelbagai rangkaian perkhidmatan kewangan Islam bagi semua segmen pelanggan. Perbankan Pengguna menyumbang sebahagian besar daripada hasil pulangan Bank iaitu sebanyak 51%, dengan Perbankan Korporat dan Perbankan Institusi yang masing-masing menyumbang sebanyak 17% dan 27%.

Tadbir Urus

BIBD sentiasa komited dalam melaksanakan amalan tadbir urus korporat yang terbaik melalui garis-pandu dan pemantauan sepenuhnya dari Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) dan Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah (SFSB) serta pematuhan kepada Akta Syarikat Penggal 39. Bank juga mempunyai kawalan dalaman yang utuh serta pengurusan risiko yang sewajarnya, khususnya dalam bidang kewangan, Syariah dan pengamalan risiko, selaras dengan piawaian yang telah ditetapkan di peringkat antarabangsa.

Wargakerja

Kumpulan BIBD mempunyai lebih daripada 700 kakitangan. Bank sentiasa meningkatkan sukat atau tanda aras bagi penyampaian perkhidmatannya, dengan mengenalpasti pendekatan yang lebih baik untuk mewujudkan budaya kecemerlangan yang konsisten melalui proses pengambilan pekerja yang teliti, kursus latihan, dan pelaksanaan penglibatan kakitangan.

Selaras dengan inisiatif penjenamaan semula, BIBD telah melabur di dalam menyediakan latihan yang bersesuaian untuk kakitangannya, bagi memastikan kesinambungan kepada penyampaian perkhidmatan yang memberi contoh kepada pengalaman perbankan pelanggan baru. Bank juga telah membuat pelaburan besar dalam memberikan latihan kepada kakitangan untuk diperakui dalam bidang-bidang tertentu seperti Institusi Perbankan, Pengurusan Risiko, Syariah, dan Perancangan Kewangan.





Tahun ini, Bahagian Sumber Manusia telah melaksanakan pelbagai inisiatif sebagai sebahagian daripada rancangan strategik mereka, ini termasuk, pembangunan dalam tenaga mahir dan perangkaan laluan kerjaya bagi kesemua kakitangan. Star Banker Awards adalah satu program direka khusus sejak 2012 di mana Bank memberi ganjaran kepada kecemerlangan dan memberi penghargaan kepada kesemua peringkat jualan, perkhidmatan dan juga tenaga bantu.

Bank juga memastikan para warga kerja mengamalkan amalan hidup seimbang dengan menganjurkan beberapa aktiviti yang menjurus kepada pembangunan kerjasama, demi menjana rasa kepunyaan atau kesetiaan yang utuh, kesetiaan dan semangat setiakawan, melalui berbagai aktiviti rekreasi dan juga kesukanan.

Proses

Penyediaan perkhidmatan inovasi melalui laman sesawang dan alat mudah alih telah membolehkan penambahbaikan proses yang penting bagi mensasarkan pelanggan-pelanggan ke arah masyarakat digital, di mana pengurusan "queues" juga dipantau dengan lebih baik di cawangan, memandangkan kebanyakan transaksi BIBD kini boleh beralih ke saliran digital.

Untuk mengukuhkan lagi kedudukan BIBD sebagai sebuah institusi kewangan unggul di Brunei, usaha-usaha telah dibuat untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan, ini termasuk menukar reka bentuk cawangan perbankan kami untuk memberi laluan kepada kaedah yang berpaksi budaya kemesraan Brunei yang tersendiri; yang mana telah mempercepatkan lagi proses sambil menambah unsur keprihatinan di dalam perkhidmatan kami. Bank juga terus mengenal-pasti isu-isu penting dalam matalamat untuk memaksimumkan kecekapan penyampaian perkhidmatan yang diharap akan meningkatkan pengalaman perbankan pelanggan secara keseluruhan.

Urusniaga Unggul

Tahun ini menyaksikan BIBD mengambil bahagian dalam

beberapa pembiayaan pengatur di peringkat antarabangsa seperti Sukuk Al-Hilal AS\$500m, di mana BIBD sebagai Pengurus Utama Bersama bersama bank-bank multi-nasional Islam yang lain telah memperoleh sejumlah AS\$6.3 bilion daripada 220 pelabur (lebih daripada dua belas kali jumlah yang ditawarkan). Bank juga menjadi Pengurus Utama Bersama yang berjaya menerbitan bagi pertama kalinya sejumlah SG\$150 juta dalam Sijil Amanah Islam Swiber Capital.

Setakat ini, BIBD adalah institusi Brunei yang pertama untuk memajukan dan melancarkan dana mutual berdomisil di Brunei dan satu-satunya bank Brunei yang telah memenangi mandat antarabangsa dalam sukuk dan mandat urus niaga utama.

Peningkatan berterusan Bank, melalui pengenalan produk dan perkhidmatan yang inovatif telah diterima dengan baik oleh pelanggan-pelanggan dan orang ramai, yang terbukti melalui pertumbuhan dalam pengambilan dan penggunaan perkhidmatan yang diperkenalkan, yang telah menyumbang kepada Bank menerima beberapa pengiktirafan antarabangsa. Pada 2013, BIBD telah dikurniakan dengan beberapa anugerah berprestij yang mencerminkan kejayaan pada kesemua inisiatif dan usaha gigih Bank.

Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)

BIBD sering saja secara aktif menyokong kebajikan masyarakat di Brunei melalui penganjuran dan sokongan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan, program-program memperkasa belia dan masyarakat.

Melalui inisiatif-inisiatif CSR BIBD, ianya dihasratkan untuk terus memberi nilai tambah kepada penawaran produk dan perkhidmatannya kepada pelanggan-pelanggan. Sasaran aktiviti CSR BIBD bertujuan untuk dijadikan sebagai platform untuk masyarakat memberi sokongan kepada pembangunan program CSR kami, menyediakan kemudahan untuk pembangunan perniagaan komersil yang inovatif bagi kemampanan pertumbuhan ekonomi kita. Ia juga bertujuan untuk membina jenama CSR bagi BIBD yang dapat dilihat



sinonim dengan peningkatan kualiti kehidupan, sikap ihsan, ikhlas dan berasaskan perpaduan. Pada masa yang sama, ia diharap dapat meluaskan jenama keprihatinan BIBD dan seterusnya kepada orang ramai, yang akan mewujudkan masyarakat yang prihatin.

BIBD, sebagai penaja korporat, juga telah mewujudkan satu perkongsian kerjasama lima tahun dengan Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEBD), dalam penyediaan skim mikro geran kepada usahawan-usahawan terpilih melalui projek Sumber Pembangunan Belia. Sejak penubuhannya pada tahun 2010 sehingga Januari 2013, Program ini telah berjaya membantu lebih daripada lima puluh perniagaan, yang pada hari ini masih giat aktif. Objektif utamanya tertumpu di sekitar merumuskan program dan menganjurkan aktiviti-aktiviti yang dapat membantu belia tempatan dan individu yang kurang berasib baik dalam membangunkan kemahiran dan pengetahuan keusahawanan dan pada masa yang sama, menggalakkan pembangunan perniagaan mikro di Negara Brunei Darussalam.

Peningkatan usaha-usaha ke arah membudayakan saksiah keprihatinan menyerap secara pantas, di mana pada tahun 2013, sukarelawan CSR yang terlibat secara aktif telah mencapai jumlah melebihi 700 orang, yang terdiri daripada warga BIBD dan juga orang awam.

Pada tahun 2013, Program ALAF (Galakkan Pembelajaran Sepanjang Hayat), kerjasama di antara BIBD dan Kementerian Pendidikan, telah dilancarkan pada 11 Mei 2013 oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab Rahaman. Program ini, salah satu program ulung CSR BIBD, dihasratkan untuk merancang penyediaan dana bagi penuntut-penuntut yang kurang berasib baik dan anak-anak yatim di Negara Brunei Darussalam untuk meneruskan pembelajaran mereka

hingga mereka dapat mencapai kejayaan. Sokongan untuk Program ini meliputi akses kepada keperluan kehidupan dan pembelajaran asas, keperluan untuk menambahbaik pembelajaran dan sokongan kebajikan bersama dengan bimbingan dan sokongan mentor. Pada 2014, Program ALAF, di dalam tahun pertamanya, telah berjaya menyokong 62 penerima dari kesemua empat daerah.


Melalui Program ALAF, BIBD berharap untuk menyumbang kepada visi 2035 Kebawah Duli untuk mencapai 100% tahap pendidikan untuk semua lapisan masyarakat di Negara Brunei Darussalam. Ini adalah diharap dapat mengurangkan kadar kemiskinan, In Sha Allah, dan seterusnya membawa Negara Brunei Darussalam ke arah masa depan yang aman dan makmur, pada masa yang sama, menjadikan Negara mempunyai masyarakat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.

Anak-Anak Syarikat Yang Aktif


- BIBD At-Tamwil Bhd
Anak syarikat milik penuh yang mengendalikan dan menyediakan kemudahan sewa-beli Islam
- BIBD Securities Sdn Bhd
Anak syarikat milik penuh yang menyediakan pelaburan emas dan perkhidmatan broker bagi kedua-dua saham Islam tempatan dan asing yang disenaraikan di pasaran saham Kuala Lumpur dan Singapura
- Syarikat Takaful Brunei Darussalam (Bersekutu)
Menyediakan perkhidmatan takaful melalui anak-anak syarikatnya: Takaful Brunei Am dan Takaful Brunei Keluarga
- BIBD Al-Kauthar Funds DCC Incorporated
Menyediakan servis pengurusan dana
- Belait Barakah Sdn Bhd
Menyediakan kemudahan bagi penyewaan kapal

Statistik


Keuntungan selepas Zakat dan Cukai (B\$ '000)




Jumlah Harta (B\$ '000)




Nisbah Kecukupan Modal Peringkat 1 (Nisbah Teras) (%)




Nisbah Pembiayaan Tertunggak (Bersih) (%)




Simpanan dari Penyimpan (B\$ '000)




Pulangan keatas Harta (%) - Sebelum Cukai




Derma CSR (B\$)




Sukarelawan CSR



Pulangan Ekuiti (%)



Jumlah Nisbah Kecukupan Modal (%)



Purata Bulanan Panggilan Masuk Pusat Perhubungan

18,439

Peratus Jumlah Pelanggan Aktif Perbankan Mudah Alih & Internet

15.34%

Purata Bulanan Transaksi Kad Debit

67,630

Pencapaian BIBD

- Identiti Baru BIBD
- Anugerah-anugerah BIBD
- Peranan korporat BIBD
- Sumbangan BIBD kepada pembangunan mesyarakat
- Ganjaran untuk pelanggan BIBD
- Mengeratkan Perhubungan Pelanggan
- Langkauan komuniti
- Aktiviti sepanjang tahun BIBD

Pada tahun 2005, penggabungan di antara Islamic Bank of Brunei dan Islamic Development Bank of Brunei memberi laluan kepada penubuhan Bank Islam Brunei Darussalam, dan seterusnya pada bulan Jun 2013 telah melancarkan jenama dan imej barunya menjadi BIBD.

Inisiatif strategik ini dihasratkan untuk memperkuuh dan meningkatkan pengalaman perbankan pelanggan, dan

setentunya menjadikan BIBD sebuah institusi kewangan yang utama di Brunei. Perjalanan transformasi mencerminkan BIBD sebagai sebuah jenama Brunei yang dapat memberikan perkhidmatan pelanggan yang lebih baik. Pada masa yang sama, ia menerapkan nilai-nilai KeBruneian yang unik dan juga visual kanvas kelslaman di Brunei yang memperkenan usaha strategik dikembangkan di dalam perjalanan ini.



Sumber: Imej sumbangan dari Consulus



Sumber: Imej sumbangan dari Consulus

Transformasi ini amat penting dalam perancangan kemajuan BIBD, yang merupakan salah satu aspirasi Bank di bawah pelan strategik tiga tahunnya untuk meluaskan operasi ke peringkat antarabangsa. Pelan tersebut merangkumi beberapa fasa kemajuan, di antaranya termasuk menaik taraf keupayaan sistem, pengalaman perkhidmatan pelanggannya dan juga projek pengubahan. Dengan adanya pelan ini, ianya menempatkan BIBD di dalam kedudukan yang lebih baik sebagai persediaan untuk melangkah dan berkhidmat di luar negara, apabila peluang tersebut datang nanti.



Sumber: Imej sumbangan dari Consulus

Bank sebagai sebuah institusi kewangan yang bertaraf dunia di Negara ini dan dapat dicontohi di arena antarabangsa. Berlandaskan rumusan inilah logo dan slogan baru telah dilahirkan.

Dalam menanai warisan bangsa yang gemilang, logo baru ini adalah gabungan empat elemen Brunei yang penting dan unik, iaitu: kubah emas, bulan sabit, laluan air Brunei dan dua tangan menadah doa; di mana kesemua mencerminkan nilai-nilai yang berakar umbi nilai negara dan budaya kita.

Komit kepada aspirasi dan nilai-nilai KeBruneian, dan berpegang kepada nilai-nilai Islam kita, jenama baru ini telah dilancarkan secara rasmi oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan. Turut hadir pada majlis itu ialah Menteri-Menteri Kabinet, Timbalan Menteri, Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan Kerajaan Baginda, bersama-sama dengan pelanggan penting dan rakan korporatnya.

Acara pelancaran penjenamaan baru tersebut disempurnakan di cawangan Kiulap yang juga baru diubah-suai dan menjadi gambaran reka bentuk penjenamaan baru, serta menjadi cawangan contoh yang menitik-beratkan pemedulian pelanggan yang berdasarkan tema Berjiwa KeBruneian.

Dalam memahami pentingnya penyampaian mengenai usaha-usaha dan nilai-nilai Bank yang melalui pembaharuan, Bank telah menjalankan audit visual untuk lebih memahami persepsi orang ramai terhadap jenamanya. Usaha-usaha juga telah diatur untuk memastikan bahawa jenama Bank adalah mudah difahami dan boleh diterima, sebagai sebuah institusi kewangan yang kukuh, serta memahami keperluan dan aspirasi pelanggan dan rakan kongsinya. Penjenamaan ini dihasratkan untuk membangkitkan tindak balas emosi, selaras dengan slogan korporat baru, "Brunei at Heart" – Berjiwa KeBruneian, yang akan memperkenalkan



Sumber: Imej sumbangan dari Rano Adidas

Sebagai sebuah Bank yang dihasratkan untuk memenuhi keperluan orang ramai dan diurus sendiri oleh orang tempatan, BIBD memahami akan perlunya rakyat dan penduduk Negara ini diurus dengan berpaksikan prinsip Melayu Islam Beraja, dan perlunya pengalaman pelanggan berkitar kepada pengekalan budaya "Berjiwa KeBruneian."



Sumber: Imej sumbangan dari Rano Adidas



BIBD

BIBD berhasrat untuk membangunkan satu model perniagaan yang mampu yang akan membantu memenuhi keperluan kewangan semua warga Brunei dan memperkuuhkan kedudukannya sebagai institusi kewangan Islam terbesar di Brunei.



The Meaning of Our Logo

A GOLDEN DOME
The golden dome demonstrates that BIBD's vision is framed within Islamic principles.

B CRESCENT MOON
The rising crescent moon is another representation of Islam and denotes Brunei's aspiration to be a leading nation.

C WATERWAYS OF BRUNEI
The calm waterways of Brunei reflect the history of Brunei as a nation of peace and tranquility.

D TWO HANDS IN SUPPLICATION
The two hands in supplication are taken from the national flag. They symbolize the submission to Allah's will and to gain His blessings for the continued growth of BIBD. They also represent the warm and intuitive relationship with BIBD's customers.



Sumber: Imej sumbangan dari Rano Adidas



Sumber: Imej sumbangan dari Rano Adidas

Perjalanan Transformasi Penjenamaan Semula

Bagi mencapai matlamat ini, sokongan penuh dan usaha dari kesemua pihak pengurusan dan kakitangan BIBD adalah perlu, dalam menyesuaikan diri kepada budaya organisasi baru, selaras dengan usaha penjenamaan semula BIBD. Ini telah dapat dicapai melalui lingkaran penjenamaan dalaman dan bengkel latihan bagi meningkatkan dan mengukuhkan persepsi penjenamaan dengan identiti yang lebih terkini. Ini adalah bagi memastikan bahawa tujuan dan hala tuju baru bank jelas disampaikan, dan memberi perubahan yang berkekalan di kalangan pihak pengurusan dan kakitangan dalam sama-sama menghayati budaya Berjiwa KeBruneian yang sebenar.



Sumber: Imej sumbangan dari Consulus



Sumber: Imej sumbangan dari Consulus



Sumber: Imej sumbangan dari Consulus

Pelancaran identiti perkhidmatan ‘RISE’ (Reliable, Innovative, Simple, dan Ever-Caring) terus menyokong inisiatif penjenamaan semula Bank yang mentakrifkan piawaian budaya perkhidmatan pelanggan Bank yang baru. Program ini melibatkan peningkatan progresif untuk beberapa proses utama dan penting kepada perkhidmatan BIBD, yang termasuk pengenalan Duta

Perkhidmatan, memperkemasan proses pembukaan akaun melalui e-form, menaik-taraf kebolehan Pusat Hubungan BIBD dan penyediaan zon gaya hidup bagi memudahkan interaksi di Pusat Perkhidmatan Pelanggan di Cawangan Kullap.



BIBD Lancar Cawangan e-Branch Plus Pertama Rimba

Ogos 22

Cawangan e-Branch Plus BIBD pertama dibuka di Giant Hypermarket Tasik Rimba. Cawangan yang berfalsafahkan reka bentuk baru ini bertujuan untuk memberi galakan bagi penggunaan saluran elektronik, di mana urusan transaksi harian di kaunter kini dapat dialih kepada mesin ATM, CDM dan CQM bagi semua urusan pengeluaran dan kemasukkan wang tunai atau cek, untuk lebih cepat dan mudah, dan penyediaan ruang yang lebih selesa bagi perkhidmatan dan jualan.

Pembukaan e-Branch Plus ini menggabungkan kemajuan teknologi dan peningkatan dalam penyampaian perkhidmatan



pelanggan, memperkuatkannya serta mengemaskinikan lagi perkhidmatan BIBD dalam segera menampung keperluan dan kehendak pelanggannya.

Cawangan Rimba telah dilancarkan oleh Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd Rosli bin Haji Sabtu, Pengarah Urusan Autoriti Monetari Brunei Darussalam.

Cawangan lain yang turut mengikuti konsep ini adalah cawangan Panaga, Seria dan Gadong.



Haji Bahrin bin Abdullah, Timbalan Menteri Kewangan merangkap Pengurus BIBD.

Dengan berkembangnya industri minyak dan galian, pembukaan pusat baru ini meletakkan Bank pada kedudukan yang lebih baik untuk meluaskan lagi peluang-peluang perniagaan melalui peningkatan dan penyelarasannya perkhidmatan-perkhidmatannya. BIBD mampu untuk menampung keperluan

dan kehendak pelanggan yang sedia atau baru, sejajar dengan seruan yang dibuat oleh Jabatan Tenaga di Pejabat Perdana Menteri (EDPMO) bagi menggalakkan Pembangunan Perniagaan Tempatan (LBD), di mana Bahagian Perbankan Korporat akan terus memainkan peranan penting dalam membangun potensi peniaga SME tempatan terutamanya dalam industri minyak dan gas.

Pusat Perbankan Korporat Baru, Kuala Belait

September 6



Sebagai kesinambungan kepada inisiatif penjenamaan semula Bank dalam menyampaikan pengalaman perbankan yang benar-benar Berjiwa KeBruneian, BIBD membuka Cawangan Belait baru di Kuala Belait yang terletak di Jalan Sungai. Cawangan ini, telah menerapkan reka bentuk signature yang baru, ini juga termasuk

pembukaan Pusat Perbankan Korporat BIBD yang pertama di daerah ini.

Cawangan Bank dan Pusat Perbankan Korporat baru ini telah dilancarkan secara rasmi oleh Yang Mulia Dato Paduka Awang



Anugerah anugerah BIBD

Anugerah Pertama 2013

Mac 05

BIBD muncul dengan kemenangan besar di Anugerah Islamic Finance News (IFN) 2013 apabila dianugerahkan dengan empat anugerah bagi, "Structured Finance Deal of the Year 2012" untuk Kemudahan Pembiayaan Islam berjumlah AS\$ 170 juta untuk Brunei Gas Carriers (BGC) Sdn Bhd, "Turkey Deal of the Year 2012" bagi Sukuk dari Republik Turki yang berjumlah AS\$ 1.5 bilion, "Tawarruq Deal of the Year 2012" untuk Pembiayaan Bersindiket yang berjumlah AS\$ 450 juta untuk Al-Baraka Turk , dan "Best Islamic Bank 2012 " bagi Brunei Darussalam.

Kejayaan yang dicapai di peringkat antarabangsa ini adalah sesuatu yang diharapkan oleh BIBD, kerana ianya memperlihatkan kemampuan dan mengukuhkan lagi kehadiran Bank di dalam arena kewangan Islam antarabangsa.

Di samping itu, Bank juga telah berjaya menerima anugerah bagi transaksi BGC 2012, yang telah menarik penyertaan dua buah bank terkemuka Jepun. Ianya merupakan transaksi pembiayaan tunggal terbesar dan paling penting bagi kemajuan ekonomi jangka panjang di Brunei Darussalam.




Memimpin Melalui Contoh

Mac 14

BIBD AR-Rahnu telah dianugerahkan dengan "Social Service Award" oleh Asia-Pacific Enterprise Cooperation (AP-EC). Ini merupakan pencapaian yang amat membanggakan bagi jabatan ini, kerana ianya adalah hasil dari segala usaha yang telah dilaksanakan di dalam membantu segmen khusus di kalangan masyarakat bagi keperluan kewangan mereka, agar mereka dapat mencapai matlamat jangka panjang yang diharatkan.

Anugerah Perkhidmatan Sosial ini adalah bagi mengiktiraf sumbangan yang diberikan secara umum atau persendirian, yang dapat membantu orang perseorangan ataupun berkumpulan yang kurang bernasib baik. Sumbangan yang dihulurkan termasuk faedah dan kemudahan pendidikan, penjagaan kesihatan, subsidi makanan dan perumahan, yang disediakan dengan harapan untuk dapat memperbaiki keadaan kehidupan masyarakat.

Ini adalah salah satu dari tambahan initiative Tanggungjawab Sosial Korporat BIBD yang membantu segmen masyarakat yang kurang bernasib baik melalui saluran urusniaga Bank.



Bank Pengguna Terbaik Mac 21

BIBD telah dinamakan sebagai "Bank Pengguna Terbaik, Brunei" bagi tahun 2012 oleh The Asian Banker (TAB), pada Majlis Anugerah Kecemerlangan Antarabangsa di dalam Perkhidmatan Kewangan Runcit ke-12, yang diadakan di Korea.

Sebagai Bank Islam pertama yang memperolehi pengiktirafan ini di Brunei Darussalam, jelas menunjukkan kemajuan dan pencapaian Bank yang berterusan yang mana dapat menandingi bank-bank multinasional yang beroperasi di negara ini.

Kemenangan ini mempamerkan pencapaian dan kemajuan yang besar buat BIBD, sebagai sebuah Bank yang menyeluruh perkhidmatannya, yang akan terus terdorong untuk mencapai kedudukan yang lebih baik di peringkat serantau. Kemenangan ini memberi pengertian tahun yang penuh kejayaan, di mana BIBD juga berjaya mengukuhkan bahagian pasarnya dengan pertumbuhan yang mengalakkam di bahagian produk pengguna di Brunei.



Dengan kemenangan ini juga menunjukkan usaha berterusan BIBD di dalam memperkuuh dan mendokong hasrat negara dalam meningkatkan pertumbuhan dan memajukan ekonomi serta industri di negara ini, satu komitmen yang akan sentiasa ditanai dalam membantu negara mencapai matlamat, untuk mendapatkan pengiktirafan status sebagai sebuah negara maju menjelang 2035.

Enam Kemenangan di Anugerah Kewangan Islam Asset Triple A Julai 03

BIBD telah dianugerahkan dalam enam kategori pada Anugerah Kewangan Islam - The Asset Triple A 2013, untuk "Bank Islam Terbaik, Brunei", "Bank Islam Pengguna Terbaik, Brunei", "Bank Pembiayaan Perdagangan Terbaik, Brunei", "Sindikasi Pembiayaan Islam Terbaik", dan juga "Pembiayaan Islam Terbaik, Turki" untuk pembiayaan perdagangan bersindiket Albaraka Turk, yang berjumlah AS\$450 juta, di mana BIBD bertindak sebagai salah satu pengatur bersama dan pengurus akaun.

Pihak Bank juga menerima anugerah "Pembiayaan Islam Terbaik, Brunei" bagi peranannya sebagai salah satu peneraju pengatur yang dimandatkan untuk Brunei Gas Carriers Sdn Bhd (BGC), bagi kemudahan pembiayaan Islam yang berjumlah AS\$170 juta.



BIBD Memenangi Anugerah Inisiatif Perbankan Online Terbaik Julai 18

BIBD amat berbangga menerima anugerah bagi "Inisiatif Perbankan Online Terbaik, Brunei" dari Asian Banking and Finance 2013, yang mengariskan usaha yang berbaloi yang dibuat oleh Bank sejak beberapa tahun kebelakangan ini dalam penyediaan rumusan perkhidmatan kewangan yang lebih mudah dan senang diakses untuk pelanggan - terutamanya bagi perkhidmatan unggulnya iaitu, BIBD Online dan BIBD Mobile.



Sebagai sebuah bank yang unggul, BIBD terus melabur dalam teknologi untuk memastikan perkhidmatan yang baik secara berterusan bagi rakyat Brunei, dan menawarkan perkhidmatan yang mudah dan lebih inovatif melalui penyediaan akses tanpa sekat untuk semua pelanggan. Pusat Perhubungan 24 jam dan banyaknya rangkaian cawangan BIBD membuktikan komitmen berterusan BIBD untuk sentiasa bersedia berkhidmat untuk setiap pelanggannya dengan budaya unik dan berkualiti kami yang "Berjiwa keBruneian".

Bank Pasaran Baru Terbaik dari Global Finance

Oktober 14

BIBD telah diiktiraf dengan beberapa anugerah terbilang dalam industri kewangan iaitu "Bank Pasaran Baru Terbaik Dunia 2013 di Asia Pasifik bagi Brunei" dan "Institusi Kewangan Islam Terbaik di Dunia 2013 untuk Brunei" dari Global Finance.

Kriteria-kriteria yang diambil-kira bagi pemilihan anugerah termasuk pertumbuhan dalam aset, keuntungan, hubungan strategik, perkhidmatan pelanggan, harga yang kompetitif, dan

rangkaian produk inovatif. Anugerah ini adalah bagi mengiktiraf inisiatif Bank yang telah berjaya memperkenalkan beberapa rumusan produk yang terbaik dalam memenuhi keperluan pelanggan pengguna dan korporatnya.

Anugerah tersebut telah disampaikan kepada BIBD di Majlis Anugerah Bank Terbaik Majalah Global Finance 2013 yang ke 15, yang diadakan di Kelab Akhbar Kebangsaan di Washington.

BIBD diisyiharkan sebagai Bank Terbaik tahun ini

Nobember 29

Anugerah The Banker "Bank of The Year 2013 bagi Negara Brunei Darussalam", telah disampaikan kepada BIBD, setelah proses penghakiman yang teliti kepada pelbagai inisiatif Bank yang telah dilaksanakan secara aktif dalam menambah-baik beberapa operasi perbankannya. Penerimaan anugerah juga membuktikan kebolehan barisan pengurusan dan model perniagaan yang kukuh, serta pendekatan risiko berhemat yang diambil oleh BIBD.

Anugerah berprestij tersebut telah disampaikan kepada BIBD di Majlis Makan Malam Anugerah Bank tahun 2013 di London.

Pengarah Urusan BIBD, Yang Mulia Javed Ahmad mengulas, "Alhamdulillah, pengiktirafan antarabangsa ini menandakan tahun yang berjaya untuk BIBD, di mana kita telah giat berusaha ke arah menjadikan BIBD sebagai sebuah institusi kewangan Brunei yang bertaraf dunia yang benar-benar Berjiwa KeBruneian."

BIBD At-Tamwil Memenangi Anugerah Kualiti Crown Antarabangsa

Nobember 30

Anak syarikat BIBD, BIBD At-Tamwil Berhad, diiktiraf di peringkat antarabangsa diantara syarikat-syarikat dari 49 buah negara di seluruh dunia yang menerima anugerah berprestij antarabangsa Anugerah Kualiti Crown - Kategori Emas, yang diadakan di London pada majlis Makan Malam Anugerah.

Anugerah Quality Crown International ini telah disampaikan kepada para penerima berdasarkan kepada kecemerlangan yang telah dicapai didalam kepimpinan pengurusan, inovasi teknologi dan juga perkembangan kepada operasi syarikat.

Setakat ini, BIBD At-Tamwil Berhad telah mencapai rekod pertumbuhan keuntungan tujuh tahun berturut-turut sejak tahun 2006, dengan kadar pertumbuhan tahunan berkompaun melebihi 15% setahun menjadikannya syarikat pembiayaan Brunei yang paling menguntungkan pada tahun ini.

Jumlah aset syarikat tersebut juga memperlihatkan pertumbuhan daripada hanya lebih B\$150 juta pada tahun 2006 kepada lebih daripada B\$600 juta pada tahun lepas, serta peningkatan yang ketara dalam kualiti aset pembiayaan dan kadar pembiayaan tertinggi yang paling rendah.



Recent International Awards



International Quality Crown Award
-BIBD At-Tamwil Berhad



Best Local Bond Currency Deal of The Year for Swiber Capital's SG\$150 million Islamic Trust Certificate



Best Deal, Singapore,
for Swiber Capital S\$150 million five-year sukuk



Islamic Finance Deal of the Year in
Africa - SAMIR US\$180 Million Structured
Murabaha Financing



Best Online Banking Initiative - Brunei



Best Islamic Bank, Brunei;
Best Islamic Retail Bank, Brunei;
Best Islamic Trade Finance Bank, Brunei;
Best Islamic Loan Syndication ; Albarak Turk US\$450 million
Syndicated Murabaha Financing Facility
Best Islamic Deal, Brunei ; Brunei Gas Carriers
US\$170 million limited-recourse Islamic financing facility
Best Islamic Deal, Turkey - Highly Commended,
Albarak Turk US\$450 million
Syndicated Murabaha Financing Facility



Untuk mengimbangi keperluan untuk pertumbuhan dalam pembiayaan, BIBD At-Tamwil, melalui "Real Savers Initiative", telah membuka lebih daripada 27,000 Akaun My Real Savings dan telah mengumpul kira-kira B\$70 juta dalam simpanan kecemasan pelanggan.

BIBD At-Tamwil juga sedang dalam proses untuk menggunakan pakai pendekatan Basel AIRB bagi 'model kerugian yang dijangka dan tidak dijangka' dan menyelaraskannya kepada standard IFRS9. Ini selaras dengan objektif syarikat untuk penyesuaian penuh kepada IFRS standard berkuatkuasa dari 2014.

Peranan Korporat BIBD

MOU BIBD-ISRA

Januari 17

BIBD telah menandatangani Memorandum Persefahaman dengan Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa bagi Kewangan Islam (ISRA), sebagai usaha berterusan untuk meningkatkan keupayaan dan kefahaman terhadap kewangan Islam.

MOU ini bertujuan mengekalkan hubungan kerjasama yang terbuka dalam usaha untuk menubuh, membangun, dan mengukuhkan pertukaran maklumat Syariah, terutamanya dalam bidang Perbankan dan Kewangan Islam.

Melalui usaha ini, ia juga akan memastikan perkhidmatan perbankan yang bertaraf dunia melalui produk dan perkhidmatan BIBD yang berlandaskan hukum Syarak, di samping meningkatkan kedudukan BIBD di dalam industri Perbankan dan Kewangan Islam yang berkembang pesat, dan berkongsi pengetahuan dan meningkatkan kesedaran mengenai kewangan Islam kepada orang ramai.

Menandatangani bagi pihak BIBD dan ISRA ialah Yang Mulia Javed Ahmad, Pengarah Urusan BIBD, dan Profesor Madya Dr Mohamad Akram Laldin, Pengarah Eksekutif ISRA, dan telah disaksikan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin, Timbalan Mufti Negara dan Hakim Mahkamah Rayuan Syariah merangkap Pengerusi Badan Penasihat Syariah (BPS) BIBD, bersama dengan ahli-ahli BPS yang lain.

Pada bulan April berikutnya, BIBD telah menukar beberapa produk pembiayaan yang menggunakan konsep Bai 'Bithaman A'jil (BBA) kepada konsep Tawarruq.

Mengukuhkan Pematuhan & Kemahiran Syariah

Sebagai institusi kewangan yang utama di Negara Brunei Darussalam, BIBD giat meningkatkan kesedaran tentang

Mengukuhkan Pematuhan & Kemahiran Syariah

Sebagai institusi kewangan yang utama di Negara Brunei Darussalam, BIBD giat meningkatkan kesedaran tentang perbankan Islam dan memacu pembangunan ekonomi Islam. Ini boleh dilihat dari beberapa penglibatan secara aktif yang dibuat oleh Jabatan Syariah, yang tujuan untuk menyokong dan meningkatkan kesedaran mengenai manfaat kewangan Islam.

Sepanjang tahun ini, Jabatan Syariah BIBD telah melibatkan diri secara aktif dalam mempromosikan kesedaran mengenai kewangan Islam melalui beberapa siri ceramah dan juga telah dijemput untuk menjadi ahli panel forum yang dianjurkan oleh Kolej Universiti Perguruan Ugama Suri Begawan (KUPUSB).



perbankan Islam dan memacu pembangunan ekonomi Islam. Ini boleh dilihat dari beberapa penglibatan secara aktif yang dibuat oleh Jabatan Syariah, yang tujuan untuk menyokong dan meningkatkan kesedaran mengenai manfaat kewangan Islam.

Sepanjang tahun ini, Jabatan Syariah BIBD telah melibatkan diri secara aktif dalam mempromosikan kesedaran mengenai kewangan Islam melalui beberapa siri ceramah dan juga telah dijemput untuk menjadi ahli panel forum yang dianjurkan oleh Kolej Universiti Perguruan Ugama Suri Begawan (KUPUSB).

Jabatan ini juga telah mengambil bahagian didalam beberapa persidangan dan seminar Syariah antarabangsa seperti Pertubuhan Perakaunan dan Pengauditan bagi Institusi Kewangan Islam (AAOIFI) di Bahrain, Nadwah Dallah Al Barakah di Jeddah, Forum Kewangan Islam Kuala Lumpur (KLIFF) dan Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara.

Kesemua usaha ini adalah bagi meningkatkan pematuhan dan kemahiran berlandaskan hukum syarak bagi BIBD, dan mempromosikan pengetahuan mengenai Kewangan Islam di negara ini.

BIBD Mengendalikan AGM 2013

Jun 25

BIBD telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM), yang telah dihadiri oleh kira-kira 300 pemegang saham BIBD.

Mesyuarat tersebut diadakan untuk meluluskan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2012, mengisytiharkan dividen bagi Tahun Kewangan 2012, serta mengumumkan Perlantikan dan Penetapan Yuran Juruaudit Bagi Tahun Kewangan berakhir 31hb Disember 2013.



Sumbangan Zakat BIBD 2012

Julai 24

Zakat BIBD untuk tahun 2012 berjumlah B\$2,156,896.96, manakala sumbangan zakat dari pelanggan BIBD bagi tempoh 2012-2013 pula berjumlah B\$ 279,250.29.

Hadir untuk penyerahan sumbangan zakat tersebut adalah Pengerusi Badan Penasihat Syariah bagi BIBD dan anak-anak syarikatnya, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Suhaili bin Haji Mohiddin, kepada Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Datu Seri Setia Dr Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman, menerima bagi pihak Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).



BIBD Pengurus Utama Bersama untuk Sukuk SG\$150m

Ogos 1

Dalam usaha berterusan untuk mempelbagaikan portfolio Bank, kehadiran BIBD di Singapura diperkuuhkan lagi apabila ia menjadi di antara Pengurus Utama Bersama, berserta dengan Maybank Kim Eng dan DBS, dalam menjayakan pengeluaran pertama Sijil Amanah Islam Swiber Capital yang berjumlah SG\$150 juta. Sukuk ini merupakan Sukuk Islam pertama yang dikeluarkan oleh Swiber Capital.

BIBD menjadi pengerusi CAIBA

Oktoper 21

BIBD telah diberikan jawatan sebagai pengerusi CAIBA (Persatuan Antara-Bank China-ASEAN) bagi tempoh tiga tahun sebagai susulan kepada kerjasama dua hala bagi perjanjian rangka-kerja yang diadakan pada tahun lepas di antara BIBD dan CDB.

Diasaskan oleh Bank Pembangunan China (CDB), CAIBA telah ditubuhkan pada 20 Oktober 2010 sebagai sebuah organisasi kerjasama antara bank-bank di ASEAN dan negeri China

Objektif penubuhan CAIBA adalah untuk menggalakkan perdagangan bersama, pelaburan, dan pembiayaan projek-projek yang relevan, yang disokong oleh kerajaan China dan ASEAN; membina hubungan kerjasama jangka masa panjang

Antara Bank Terbaik Dunia

Disember 27

Awal tahun ini, BIBD telah diletakkan di dalam kedudukan 1000 Bank Terbaik Dunia oleh The Banker bagi dua tahun berturut-turut, mewakili Brunei sebagai satu-satunya bank tempatan yang dimasukkan ke dalam senarai tahunan 1,000 Bank Dunia, The Banker.

BIBD mencapai kemajuan yang menggalakkan, kerana selain berjaya disenaraikan, telah juga memperlihatkan peningkatan di dalam keputusan kedudukan tahunan. BIBD kini menduduki tempat ke-676 di antara bank terbesar dunia (dari kedudukan ke-698 pada tahun lepas), dan menduduki tangga ke-51 di kalangan 1,000 bank dari segi Kekuahan Nisbah Aset Modal, kemajuan besar dari kedudukan ke-74 tahun lepas.

BIBD Pengurus Utama Bersama bagi Sukuk Al Hilal AS\$500 juta

Oktoper 8

BIBD, bersama-sama dengan Bank Islam multinasional yang lain menjadi Pengurus-Bersama Utama untuk mendapatkan sejumlah AS\$6.3 bilion dalam pelaburan Sukuk Al Hilal (12 kali jumlah yang ditawarkan), yang diperolehi daripada 220 pelabur.

Sumbangan BIBD kepada pembangunan Masyarakat



BIBD Berkongsi Pandangan Mengenai Perkembangan SME

Januari 22

Sebagai sebahagian daripada sumbangan Bank ke arah pembangunan perusahaan Kecil dan Sederhana (SME) di Negara Brunei Darussalam, BIBD melalui unit Perbankan Institusi telah menganjurkan ceramah khas mengenai "Launching Businesses: Lesson from Expert Entrepreneurs".

Ceramah ini diadakan bertujuan untuk mengetengahkan kepentingan kreativiti dan inovasi, lalu menterjemahkannya kepada nilai-nilai perniagaan sebenar, yang mempunyai fokus jelas serta garis masa tepat. Ia juga bertujuan untuk memberi motivasi dan merangsang minat di kalangan hadirin untuk menjadi SME yang berjaya, dengan harapan dan berpotensi untuk menembusi dan mewakili Brunei, di peringkat antarabangsa.

Ceramah tersebut telah disampaikan oleh Puan Anne-Valerie Ohlsson-Carboz, Pengarah Bersekutu Inisiatif Penulisan Kes dari Singapore Management University.

Di antara para peserta yang hadir terdiri daripada wakil-wakil institusi pengajian tinggi, BINA, BEDB, I-Centre, Aurious, dan beberapa pelanggan korporat BIBD.



BIBD WMU Mulakan Ceramah Pendidikan dan Perancangan Kewangan

Februari 14

Unit Pengurusan Kewangan BIBD (WMU), telah mengadakan beberapa siri ceramah yang bertujuan untuk menggalakkan penyebaran maklumat dan kesedaran kepada orang awam mengenai pendidikan dan perancangan kewangan.

Ceramah tersebut menjadi instrumen yang penting dalam membantu meningkatkan kefahaman orang ramai terhadap perancangan kewangan dan pengurusan hutang yang teratur. Ini juga termasuk merancang untuk persaraan, mencapai impian kehidupan seperti membina sebuah keluarga, mendapatkan rumah impian, perancangan untuk pendidikan anak-anak, dan yang paling utama untuk mengukuhkan lagi kewangan mereka untuk jangka masa panjang.

Siri ceramah ini telah disampaikan kepada sekolah-sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi serta kakitangan dari jabatan-jabatan kerajaan dan juga kakitangan korporat di sepanjang tahun.

Pakej Impian BIBD April 1

BIBD telah memperkenalkan sebuah "Pakej Impian" yang merupakan tambahan produk baru yang inovatif kepada barisan produk-produk Pembiayaan pengubahsuaian Rumah, yang mana ianya direka-khas untuk Skim Perumahan Negara. Pakej Impian BIBD ini akan membolehkan pembiayaan sehingga 100% daripada kos pengubahsuaian dengan tempoh pembayaran balik yang menarik sehingga sepuluh tahun.

Pakej ini menyediakan satu rumusan menyeluruh yang merangkumi kesemuanya kemudahan yang diperlukan, termasuk pengubahsuaian dan kerja-kerja hiasan dalaman, pemilihan reka bentuk dan bahan, pilihan reka bentuk kelengkapan rumah, yang kesemuanya telah diluluskan dan disahkan oleh Jabatan Perumahan dan Lembaga bagi Industri Pembangunan dan Pembinaan (ABCI), juga Skim Perlindungan Takaful Kebakaran, yang menggabungkan caruman takaful untuk perlindungan rumah.

Pakej Impian BIBD ini juga mudah dikendalikan kerana semua penyusunan reka bentuk, perlindungan dan harga telah ditetapkan dan diluluskan lebih awal oleh pihak berkuasa yang berkenaan, bagi kemudahan para pelanggan. Keseluruhan pakej juga menyediakan jumlah kos yang lebih berpatutan kerana ia dirumus melalui pembelian yang banyak melalui kontraktor yang terpilih.



Wang Elektronik

April 5

"BIBD eTunai" merupakan platform perkhidmatan pembayaran internet mudah-alih, yang menjadikannya penambahan baru kepada pelbagai perkhidmatan yang tersedia di dalam aplikasi BIBD Mobile. Perkhidmatan ini membolehkan pengguna BIBD Mobile untuk membayar peniaga-peniaga yang ikut-serta, tanpa menggunakan wang tunai atau kad fizikal. Pembayaran dibuat terus dari akaun secara digital melalui telefon bimbit pintar.

Reka bentuk penggunaannya adalah berdasarkan kod Respons Pantas (QR) untuk pengesahan urusniaga. Sebagai kemudahan tambahan, pelanggan juga boleh memilih untuk membayar transaksi menggunakan mata ganjaran "Hadiah Points" mereka, menjadikan ia suatu proses pulangan mata ganjaran yang segera dan mudah.



Taklimat Pelaburan Hartanah Mei 3

BIBD telah mengadakan ceramah pelaburan harta tanah untuk pelanggan Perdana (PB), yang diadakan sebagai salah satu keistimewaan dan manfaat keahlian PB yang ditawarkan setiap tahun. Selain itu, ia juga bertujuan untuk mengukuhkan di samping menghargai hubungan erat, serta sokongan padu yang berterusan, yang diberikan selama ini oleh pelanggan PB kepada BIBD.

Pada majlis itu, pelanggan PB juga berpeluang untuk memperolehi pengetahuan yang berguna dan maklumat asas mengenai pelaburan harta tanah, dan bagaimana ia boleh digunakan sebagai alternatif untuk menjana pertumbuhan kewangan.



Ganjaran Lebih Hadiah Plus

Mei 10

Program Loyalty BIG AirAsia menjadi tambahan terbaru dan rakan niaga penting bagi BIBD dalam program ganjaran Hadiah Plus BIBD.

Dengan termeterainya MoU ini, pemegang kad BIBD kini boleh menukar mata ganjaran 'Hadiah Points' BIBD kepada mata ganjaran BIG AirAsia, bagi pembelian dan penebusan tiket penerbangan AirAsia, penginapan di Tune Hotel, barang AirAsia dan baucar e-hadiah AirAsia.



Ganjaran Untuk Pelanggan BIBD

BIBD Ar-Rahnu Menghantar Pemenang Mengerjakan Umrah

23 Januari



BIBD telah menghadiahkan pemenang utama bagi promosi Kempen Ar-Rahnu, dengan sebuah Paket Umrah beserta penginapan untuk dua orang. Kempen yang diadakan di sepanjang tahun ini bertujuan untuk mempromosikan manfaat produk pajak gadai yang berlandaskan hukum syarak kepada orang ramai.

Konsep Ar-Rahnu yang berdasarkan prinsip Wadiyah Yad Dhamanah dan Ar Rahn ini memberikan kemudahan kepada orang ramai untuk mendapatkan pembiayaan jangka masa pendek dengan menggunakan barang emas atau batu permata sebagai cagaran; dan sebagai alternatif dalam menjana modal untuk perniagaan kecil atau keperluan wang tunai jangka pendek dengan segera.

Di samping itu, produk Ar-Rahnu ini selaras dengan hasrat negara untuk membantu orang ramai untuk memenuhi keperluan dan meningkatkan keadaan sosio-ekonomi mereka.

Mercedes Benz A-Class Ganjaran Pemenang BIBD Barakah 4

April 26

BIBD telah melancarkan edisi keempat program ganjaran utamanya, "Kempen Barakah" BIBD, yang pertama kali dilancarkan pada tahun 2011, kali ini menyediakan sebuah Mercedes Benz A-Class sebagai hadiah utama.

Para peserta kempen tersebut berpeluang memenangi paket Pelancongan Islam ke Beijing untuk 3 orang berserta wang perbelanjaan bagi naib juara; sejongsok emas 100gm dengan ketulenan bersih 99.9% bagi pemenang tempat ketiga, sementara pemenang tempat keempat pula menerima 300,000 Royal Skies Miles untuk melancong ke destinasi-destinasi kegemaran mereka. Manakala pemenang tempat kelima membawa pulang sebuah TV LED 46" dan set teater rumah jenama Samsung.

Sementara itu, sepuluh orang finalis terakhir kempen ini telah diumumkan pada 18 Oktober 2013, untuk bersaing bagi mendapatkan peluang memenangi hadiah utama.

Kesemua usaha ini adalah untuk menghargai pelanggan dan kesetiaan mereka kepada BIBD, dan seterusnya untuk dapat menarik pelanggan baru untuk menikmati dan mengalami rumusan yang berlandaskan Shariah yang setanding, atau yang lebih baik, dari institusi antarabangsa yang bertapak di Negara ini.



BIBD Barakah 5

Disember 5

BIBD melancarkan kempen 'BIBD Barakah' ke-5 dengan menyediakan hadiah utama sebuah Jaguar XF.

Selain hadiah utama yang hebat ini, para peserta kempen Barakah 5 juga berpeluang untuk memenangi produk barang Apple, peralatan produk Samsung, sebuah TV LED 60" dan 300,000 Royal Skies Miles.

Kempen yang mensasarkan galakkan bagi pemindahan gaji ke BIBD bagi pelanggan baru, telah berjaya menarik pelanggan baru untuk menjadikan BIBD sebagai Bank utama mereka, Alhamdulillah.



Mengeratkan Hubungan Pelanggan

PWB Golf

Januari 12



Perbankan Perdana (PB) BIBD telah mengadakan acara Golf Jemputan yang kedua pada tahun ini di Empire Hotel & Country Golf Club, Jerudong. Antara tetamu yang dijemput terdiri daripada ahli-ahli PB dan pegawai kanan dari sektor kerajaan dan juga swasta.

Acara ini diadakan bertujuan untuk memupuk hubungan yang lebih rapat dengan para pelanggan, juga sebagai penghargaan di atas sokongan mereka yang berterusan. Pengurusan BIBD juga berharap untuk memperkembangkan dengan lebih luas lagi peluang kerjasama yang lebih erat melalui Bahagian Perbankan Pengguna, Korporat dan Institusi bagi memanfaatkan aspirasi mereka, dan setentunya sebagai kesinambungan untuk mencapai kemajuan negara.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut bagi penyampaian hadiah ialah Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar.

Acara yang sama telah diadakan pada penghujung tahun sebagai acara berkala bagi ahli PB.



Majlis Takbir Syawal BIBD

Ogos 23

Acara tahunan "Majlis Takbir Syawal" BIBD telah diadakan di Indera Samudra Grand Hall of Empire Hotel and Country Club, Jerudong, bertujuan untuk menjalin hubungan yang lebih rapat di antara kakitangan BIBD dengan pihak berkepentingan dari sektor kerajaan dan swasta, SME, ahli-ahli pemegang saham serta rakan-rakan korporat.

Dalam suasana Aidil Fitri, adalah diharapkan acara ini akan menjadi landasan untuk mencerminkan nilai-nilai murni BIBD yang sentiasa mengamalkan budaya Berjiwa keBruneian, dan menanai budaya kunjung-mengunjung yang lazim di bulan Syawal.

Pelancaran BIBD ALAF

11 Mei

BIBD berbangga telah berjaya melancarkan inisiatif perdana yang khusus untuk kanak-kanak kurang berasa baik dan yatim dinegara ini, iaitu program BIBD ALAF (Program Galakan Pembelajaran Sepanjang Hayat Untuk Masa Depan Yang Cemerlang). Program ALAF adalah lanjutan kepada sumbangan BIBD untuk pendidikan awal kanak-kanak, di mana BIBD akan terus komited dalam memperjuangkan usaha ini, demi masa depan negara kita.

Melalui program ALAF, BIBD bertujuan menyelaraskan usahanya selari dengan Wawasan 2035 Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk mencapai 100% tahap pendidikan untuk semua rakyat Brunei, membantu mengurangkan kadar kemiskinan dan menerajui Brunei ke arah masa depan yang lebih makmur, inklusif, dan terkini di peringkat global. Sebagai pelopor yang Berjiwa KeBruneian, BIBD memahami peri pentingnya pendidikan dalam pembangunan negara dan peranan bank sebagai institusi kewangan kebangsaan Islam negara.



Di dalam usaha BIBD untuk menyerapkan penglibatan seluruh warga Brunei dalam sama-sama memacu ke arah masa depan yang lebih baik, BIBD telah membuka sebuah akaun khas ALAF yang membolehkan orang ramai untuk membuat sumbangan untuk membantu membiayai penajaan pendidikan untuk kanak-kanak yang terpilih dari kalangan yang kurang berasa baik dan yatim. Sumbangan-sumbangan juga boleh dihulurkan melalui semua saluran perbankan BIBD seperti BIBD Online, BIBD Mobile, arahan tetap, Mesin Deposit Tunai dan kesemua kaunter BIBD.

Berkenan untuk merasmikan pelancaran BIBD ALAF tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah pada majlis yang diadakan di Dewan Indera Samudra di Empire Hotel and Country Club, yang dihadiri oleh 400 penyokong inisiatif ini.





BIBD bekerjasama dengan MOE untuk ALAF

Mei 11

Sebagai susulan kepada pelancaran program ALAF, BIBD telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) dengan Kementerian Pendidikan, sebagai rakan kongsi utama program tersebut.

MOU ini menjadi titik permulaan kepada kerjasama yang akan memberi manfaat kepada peruntukan 100 pelajar yang kurang bernasib baik setiap tahun, melalui penajaan keperluan atas pendidikan seperti alat tulis dan pakaian seragam. Program ini adalah tambahan kepada pendidikan percuma yang sedia ada, yang dihulurkan oleh kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, kepada orang ramai.

Persefahaman ini melambangkan betapa pentingnya pendidikan untuk memecah kitaran kemiskinan, yang akan menyumbang kepada pembangunan setiap kanak-kanak dan juga negara.

Termeterainya Memoradum Persefahaman ini juga mencerminkan sokongan Bank dalam menyahut tifah Kebawah

Duli Yang Maha Mulia terhadap peningkatan penglibatan di dalam aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat di kalangan GLC dan sektor swasta, khususnya di dalam usaha amal jariah melalui perkongsian strategik dengan agensi-agensi kerajaan.

Menandatangani bagi pihak BIBD ialah Pengarah Urusan, Yang Mulia Javed Ahmad, bersama dengan Yang Mulia Dr Hj Junaidi bin Hj Abd Rahman, Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), di Kementerian Pendidikan.

Majlis penandatanganan itu disaksikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Pendidikan, bersama Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama merangkap Pengurus BIBD pada masa itu.



BIBD CE-ALAF 2013

Ogos 30 - Nobember 24

Ekspedisi Amal 2013 BIBD, merupakan salah satu aktiviti penjanaan dana di bawah inisiatif BIBD ALAF, telah dilancarkan secara rasmi dengan pembukaan proses pendaftaran secara talian melalui laman web rasmi BIBD ALAF.

CE-ALAF, yang berslogankan "Satu Langkah, Satu Kayuhan, Satu Pendidikan", memberikan peluang kepada peserta larian dan penunggang basikal dalam memainkan peranan besar dalam membantu kanak-kanak yang kurang bernasib baik untuk kekal dan meneruskan pelajaran mereka.

Pengamalan falsafah Berjiwa KeBruneian selaras dengan objektif CSR BIBD, dalam memperlihatkan komitmen Bank kepada aspirasi dan nilai-nilai KeBruneian, yang berakar-umbikan idealisme Brunei dan Islam, dan kesejahteraan sosial bagi orang ramai.



Larian 42 km CE-ALAF pertama ini yang digelar "Midnight Marathon" adalah tambahan unik kepada Ekspedisi Amal yang sedia ada, yang mana telah disertai oleh 25 orang peserta terpilih untuk mengumpul dana bagi ALAF melalui penajaan program yang dikumpulkan dari organisasi korporat dan individu. Marathon ini berjaya mengumpul lebih B\$52,000 dari penajanya.

Ekspedisi Amal ini telah berjaya menarik lebih 6,000 peserta; yang menggambarkan sifat keprihatinan masyarakat Brunei.

Ia turut menarik penyertaan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel Ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, bersama-sama dengan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan beberapa ahli kerabat yang lain.





Sokongan & Galakan Keusahawanan Di Kalangan Masyarakat

Mac 19

Pegawai BIBD telah dijemput sebagai penceramah dan penyampai undangan bagi Program Latihan dan Bengkel Keusahawanan LiveWIRE kepada pelajar-pelajar yang ikut serta, dan menjadi ahli panel hakim bagi Anugerah Perniagaan Livewire. Di samping itu juga, BIBD telah memberikan sokongan kepada program-program perniagaan bagi akademik tempatan.

Inisiatif sebegini, adalah selaras dengan matlamat BIBD untuk lebih melibatkan diri dalam menyokong dan meningkatkan minat di dalam keusahawanan di kalangan para pelajar, belia dan masyarakat di negara ini.

Pemimpin Masa Depan

April 23

BIBD merasa bangga kerana dapat menghulurkan sokongan penuh kepada "Junior Achievement Company Program"(JACP) yang dikendalikan oleh Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) semasa acara pelancaran program tersebut pada 13 April yang diadakan di Sekolah Menengah Rimba II (SMR II).

Program ini bertujuan untuk menggalakkan keusahawanan, meningkatkan celik kewangan dan menyampaikan kemahiran keusahawanan kepada pelajar-pelajar yang mengambil bahagian

- yang akhirnya akan memberi inspirasi kepada pertumbuhan syarikat baru di Brunei.

Dengan memberikan tumpuan utama kepada pendidikan, keusahawanan dan masyarakat, program JACP ini juga selaras dengan inisiatif BIBD yang lain seperti penyampaian pelajaran latihan dalam keusahawanan, di mana para peserta diajar mengenai penubuhan syarikat, pengurusan kewangan dan penyediaan pelan perniagaan yang diperlukan bagi memulakan operasi syarikat.

Inisiatif Sirah Amal BIBD 2013

Jun 28



Program tahunan Sirah Amal (SA) yang bermula buat pertama kalinya pada 2010, pada tahun ini telah menarik kerjasama dari Persatuan Jangkauan & Latihan Komuniti (SCOT), Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Program SA ini telah dimulakan dengan gabungan usaha dan sumbangan dari kakitangan BIBD yang telah bermurah hati mengumpulkan dana mereka sendiri. Ianya bertujuan untuk meringankan bebanan yang dilalui oleh keluarga yang kurang berasib baik, terutamanya semasa menjalani ibadah puasa di bulan Ramadhan.

Sepanjang program yang telah dijalankan selama 5 hari, rombongan BIBD bersama wakil-wakil dari SCOT telah membuat lawatan ke beberapa buah kediaman keluarga yang kurang

bernasib baik di daerah Belait, Temburong, Tutong dan Brunei-Muara, yang telah dikenal pasti oleh beberapa NGO tempatan. Sumbangan yang dihulurkan termasuk hamper makanan dan keperluan asas harian yang lain.

Di samping itu melalui sokongan dari persatuan SCOT, program tahunan ini, telah merangkumi aktiviti "Bantuan Jariah Eidulfitri", yang menyediakan bantuan kepada ibu-ibu tunggal yang berpendapatan rendah dan kurang berasib baik.

Program Sirah Amal ini juga selaras dengan slogan BIBD "Berjiwa KeBruneian", yang memberikan penekanan pada nilai-nilai keprihatinan yang sememangnya wujud di kalangan warga Bank, terhadap masyarakat.

Derma kepada Mangsa Kebakaran Rumah Panjang Temburong

Julai 7

Wakil dari BIBD telah membuat beberapa lawatan ke penduduk rumah panjang Kampung Sumbiling Baru Daerah Temburong yang terjejas akibat kebakaran, meninggalkan mereka tanpa sebarang keperluan asas. Melalui usaha-usaha dan sumbangan daripada kakitangan BIBD yang bermurah hati, pihak Bank telah menghulurkan derma barang dalam bentuk hamper makanan dan pakaian.

Selaras dengan komitmen BIBD yang sentiasa prihatin akan keperluan masyarakat sekeliling, kakitangan Bank bersedia untuk tampil ke hadapan bagi menghulurkan sumbangan dan



membantu kepada masyarakat yang berkerperluan. Di samping itu, inisiatif sebegini amat selaras dengan objektif CSR BIBD didalam mewujudkan kesedaran dan membangunkan individu-individu yang bertanggungjawab secara sosial.

Bekerjasama Dengan JAPEM Untuk Aktiviti Mulia

Julai 20

Sempena menyemarakkan bulan Ramadhan yang mulia, BIBD dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, sebagai amal jariah tahunan BIBD telah menyampaikan derma kepada lebih daripada 4,000 anak-anak yatim dari seluruh daerah. BIBD juga turut memberi penghargaan hadiah wang tunai dalam bentuk Akaun Simpanan BIBD, kepada pelajar-pelajar yatim dari empat daerah, yang mendapat keputusan cemerlang di dalam peperiksaan hujung tahun mereka.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Yang Mulia Datin Paduka Hajah Adina binti Othman, Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Sementara itu BIBD telah diwakili oleh Timbalan Menteri Kewangan merangkap Pengurus BIBD, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah dan Yang Mulia Javed Ahmad, Pengarah Urusan, BIBD.



Cabarani Pengusahaan "Ignite"

September 25

BIBD telah bekerjasama dengan iCentre didalam "Ignite Entrepreneurship Challenge" yang berfungsi sebagai platform dalam mengenalpasti, memupuk, dan memperkenalkan bakal usahawan baru. Cabaran ini juga menyediakan hadiah utama berjumlah \$20,000 sebagai modal untuk memulakan perniagaan.

Peserta-peserta "Ignite Entrepreneurship Challenge" yang terpilih berpeluang untuk menyertai kem latihan selama dua hari, dimana mereka menerima latihan khas dan bimbingan

secara individu dari mentor-mentor yang berpengalaman, termasuk pegawai-pegawai kanan dari BIBD.

Ini merupakan di antara sumbangan berterusan BIBD dalam memberikan sokongan melalui perkongsian pengetahuan dan membantu membina kemahiran di dalam bidang keusahawanan di kalangan belia dan penuntut di negara ini; seterusnya membantu pada pertumbuhan perusahaan kecil dan sederhana yang berkualiti di negara ini.

Aktiviti BIBD Disepanjang Tahun

Mengeratkan Lagi Hubungan Antara Cawangan

April 20

Dalam usaha BIBD untuk memupuk hubungan yang lebih erat di kalangan kakitangannya dan seterusnya menggalakkan gaya hidup yang sihat, Kelab Sukan dan Rekreasi BIBD (SRC) melalui inisiatif Kelab Berbasikalnya telah menganjurkan aktiviti “Branch Hopping”, yang merangkumi lawatan berbasikal ke cawangan BIBD Bandar, Manggis, Gadong, Kiulap, Seri, Tutong, dan Tanjung Bunut.

Hadir sebagai tetamu kehormat dan seterusnya menyertai rombongan berbasikal tersebut ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama; bersama-sama dengan Yang Mulia Javed Ahmad, Pengarah Urusan BIBD dan kira-kira enam puluh penunggang basikal yang lain.



Penghormatan Diraja

Julai 18



Aktiviti tahunan ‘Majlis Bertahlil’, yang diadakan di Kubah Makam DiRaja di Jalan Tutong, adalah sebagai memberi penghormatan kepada Al-Marhum Sultan Hj Omar Ali Saifuddin Sa’adul Khairi Waddien Ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman, bersempena bulan Ramadhan yang mulia.

Hadir pada majlis tersebut ialah Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah, Timbalan Menteri Kewangan merangkap Pengurusi BIBD dan Kumpulan Syarikatnya, Yang Mulia Awang Junaidi bin Haji Masri, Penolong Pengarah Urusan Agensi Pelaburan Brunei merangkap Pengarah Lembaga BIBD, Yang Mulia Javed Ahmad, Pengarah Urusan BIBD serta pegawai-pegawai dan kakitangan dari BIBD dan kumpulan syarikatnya.

Khatam Al-Quran

25 Julai



Acara tahunan “Majlis Khatam Al-Quran dan Majlis Bersungkai” yang dianjurkan untuk kakitangan bank, telah diadakan di Tarindak D’Polo Restoran, JPCC Jerudong.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan majlis Khatam Al-Quran dan kemudian acara berbuka puasa, sebelum mengerjakan solat Maghrib berjemaah yang diketuai oleh Yang Mulia Imam Haji Daud bin Haji Abdul Kadir.


Hadir di majlis tersebut ialah ahli Lembaga Pengarah BIBD, Yang Mulia Awang Junaidi bin Haji Masri, Penolong Pengarah Urusan Agensi Pelaburan Brunei, Yang Mulia Dr Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif di Lembaga Pembangunan Ekonomi Brunei, bersama-sama dengan Pengarah Urusan BIBD, Yang Mulia Javed Ahmad. Juga hadir ialah ahli Penasihat Badan Syariah, Yang Mulia Dr Dayang Hajah Masnon binti Haji Ibrahim, Ræs Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, dan kira-kira 350 pegawai dan kakitangan BIBD.

Menyambut AidilAdha

Oktobre 19

Pihak Bank telah menganjurkan Majlis Korban tahunan AidilAdha di Masjid Kampong Bunut. Acara tersebut dimulakan dengan bacaan doa untuk memulakan proses pengagihan daging Korban dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat. Sejumlah sembilan ekor kerbau telah dikorbankan dan pengagihan daging Korban tersebut telah disampaikan oleh Yang Mulia Javed Ahmad, kepada kira-kira 150 orang dari kalangan masyarakat yang kurang bernasib baik. Pada majlis tersebut, pihak BIBD turut menyumbangkan sebanyak 100 buah buku Yassin kepada Masjid Kampong Bunut.





Bank Islam Brunei Darussalam Berhad

(Diperbadankan di Brunei Darussalam)

Penyata Kewangan 31 Disember 2013

1 Penyata kewangan ini adalah ekstrak ringkasan Penyata Kewangan Bank Islam Brunei Darussalam Berhad dan anak-anak syarikat yang telah diaudit dan telah dihasilkan semula bagi tujuan Laporan Tahunan

Kandungan

	Mukasurat
Laporan Lembaga Pengarah	1 - 3
Laporan Badan Penasihat Syariah	4 - 5
Laporan Juruaudit Bebas	6 - 7
Penyata Pendapatan	8
Kunci Kira-Kira	9 - 10
Penyata Perubahan Ekuiti	11
Penyata Aliran Wang Tunai	12
Penyata menurut Seksyen 125, Akta Syarikat - Syarikat Negara Brunei Darussalam	13
Nota-Nota Penyata Kewangan	14 - 61
Laporan Juruaudit Bebas Asal (<i>Auditors' Report</i>)	62 - 63

Laporan Lembaga Pengarah

Para ahli Lembaga Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka dengan penyata kewangan Bank Islam Brunei Darussalam Berhad ("Bank") dan anak-anak syarikatnya ("Kumpulan") yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2013.

Kegiatan utama

Kegiatan utama Bank terdiri dari semua urusan perbankan Islam mengikut prinsip-prinsip Syariah sebagaimana dibenarkan dibawah Perintah Perbankan Islam, 2008.

Kegiatan utama bagi anak-anak syarikat adalah terdiri dari sewa-beli secara Islam, broker stok/saham, pengurusan harta dan dana, penyewaan dan perkhidmatan pengurusan.

Tiada perubahan penting dalam kegiatan-kegiatan utama di sepanjang tahun kewangan ini.

Keputusan

	Bank B\$'000	Kumpulan B\$'000
Keuntungan pada tahun ini	<u>84,878</u>	<u>114,009</u>

Dari:

Pemegang ekuiti Bank	84,878	112,531
Kepentingan golongan kecil	-	1,478
	<u>84,878</u>	<u>114,009</u>

Dividen

Dividen bagi tahun kewangan yang berakhir 31 Disember 2012 berjumlah B\$23,916,734 telah diisyiharkan dan dibayar pada 19 Julai 2013.

Lembaga Pengarah

Ahli-ahli Lembaga Pengarah Bank yang memegang jawatan pada tarikh laporan ini adalah seperti berikut:

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah (Pengerusi)

Yang Mulia Iqbal Ahmad Khan

Yang Mulia Junaidi bin Hj Masri

Yang Mulia Jan Hendrik van Greuning

Yang Mulia Javed Ahmad bin Kamil Hasan (Pengarah Urusan)

Yang Mulia Abdulaziz Mohammed L. Alsubeaei

Yang Mulia Dr Abdul Manaf bin Haji Metussin (Dilantik pada 15 Julai 2013)

Yang Mulia Awang Mozart bin Haji Brahim (Pengarah bersilih ganti oleh Yang Mulia Junaidi bin Hj Masri, dilantik pada 15 Julai 2013)

Manfaat Pengarah

Tidak ada pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan dan tidak juga pada sepanjang tahun itu ada wujud sebarang perundingan yang mana Bank sebagai pihak dan pengarah mungkin beroleh manfaat dengan cara perolehan saham dari Bank atau badan korporat lain.

Sejak daripada penghujung tahun kewangan sebelumnya, tidak ada pengarah yang menerima atau layak menerima manfaat (selain daripada manfaat yang termasuk di dalam jumlah pendapatan yang diterima atau yang akan diterima oleh pengarah-pengarah, atau gaji tetap yang diterima sebagai kaktangan tetap Bank seperti yang dinyatakan di Nota 8 (a) Penyata Kewangan) secara kontrak oleh Bank atau syarikat yang berkaitan dengan mananya pengarah atau firma dimana pengarah tersebut menjadi ahli, atau syarikat yang mana pengarah tersebut ada kepentingan kewangan yang banyak.

Kepentingan Pengarah

Ahli-ahli Lembaga Pengarah berikut adalah pemegang jawatan Pengarah pada akhir tahun kewangan, menurut daftar yang dikehendaki disimpan di bawah Seksyen 95, Akta Syarikat Syarikat Negara Brunei Darussalam, Bab 39, seperti kepentingan di dalam saham-saham Bank yang dinyatakan di bawah:-

	Nilai B\$1 sesaham	1 Januari 2013	31 Disember 2013
Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah	4,441	4,441	
Yang Mulia Iqbal Ahmad Khan	1	1	
Yang Mulia Javed Ahmad bin Kamil Hasan	5,001	5,001	
Yang Mulia Awang Junaidi bin Masri	1	1	

Selain daripada yang telah dinyatakan, tidak ada pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan mempunyai kepentingan didalam saham Bank atau syarikat-syarikat yang berkaitan sepanjang tahun kewangan.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi Pengarah bertarikh 28 Mac 2014.

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah
Pengerusi

Javed Ahmad bin Kamil Hasan
Pengarah Urusan

Brunei Darussalam

28 Mac 2014

Laporan Badan Penasihat Syariah

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين والصلوة والسلام على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين

Kepada Pemegang-pemegang saham Bank Islam Brunei Darussalam Berhad

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Bagi memenuhi keperluan terma-terma perlantikan dan juga dibawah bidangkuasa kami sebagai Ahli Badan Penasihat Syariah Bank Islam Brunei Darussalam Berhad, suacita kami melaporkan seperti berikut:

- a) Kami telah meneliti prinsip kontrak didalam akad perjanjian yang berkaitan dengan transaksi serta aplikasi prinsip tersebut didalam produk dan perkhidmatan yang telah diperkenalkan oleh Bank Islam Brunei Darussalam Berhad dan Kumpulannya ("Bank") sepanjang tahun kewangan berakhir 31hb Disember 2013 untuk memastikan ianya selaras dengan peraturan dan prinsip Syariah.
- b) Bagi memastikan Bank mematuhi peraturan dan prinsip Syariah dan ketetapan yang telah kami berikan, kami juga telah menjalankan fungsi pengawasan kami melalui perlaksanaan fungsi semakan dan audit Syariah yang dijalankan oleh Jabatan Syariah.
- c) Kami telah menilai kerja-kerja yang dibuat oleh Jabatan Syariah dan keberkesanannya dalam melaksanakan Rangka Kerja Urus Tadbir Syariah termasuk perlaksanaan ujian semakan Syariah sebelum dan sesudah, secara ujian terhadap transaksi perniagaan, dokumen-dokumen yang berkaitan dan prosedur yang digunakan dan/atau dimasuki oleh BIBD.
- d) Pihak Pengurusan Bank bertanggungjawab untuk memastikan bahawa operasi perniagaan yang dijalankan adalah selaras dengan peraturan dan prinsip Syariah. Adalah menjadi tanggungjawab kami untuk memberikan pandangan secara bebas berdasarkan penilaian kami terhadap operasi perniagaan Bank ini dan selanjutnya melaporkan kepada awda.
- e) Kami telah mendapatkan segala maklumat serta penerangan yang sewajarnya daripada pihak Bank untuk mengemukakan bukti yang mencukupi bagi membolehkan kami membuat pertimbangan dan memberikan pengesahan yang munasabah bahawa pihak Bank tidak melanggar mana-mana peraturan dan prinsip Syariah dalam semua transaksi perniagaannya sebagaimana yang telah dihadapkan kepada kami.

Dengan itu, kami, Badan Penasihat Syariah Bank Islam Brunei Darussalam Berhad, dengan ini berpandangan dan mengesahkan bahawa :

- a) Akad perjanjian, transaksi serta urusniaga yang dilakukan oleh Bank sepanjang tahun kewangan berakhir 31hb Disember 2013 sebagaimana yang telah kami semak adalah patuh Syarak;
- b) Pendapatan daripada sumber atau cara yang tidak patuh Syarak telah diasingkan dan ditetapkan untuk disalurkan kepada perkara kebajikan; dan
- c) Pengiraan dan pengagihan zakat perniagaan Bank adalah bertepatan dengan peraturan dan prinsip Syarak.

Pandangan ini diberikan berdasarkan apa yang telah disampaikan oleh pihak pengurusan Bank kepada kami.

Kami berdoa semoga Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* memberi inayah-Nya dalam melaksanakan hukum Perbankan Islam dan terhindar daripada melakukan perkara yang ditegah oleh-Nya. Kami juga memohon semoga Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* memberikan taufik dan hidayat-Nya kepada kami dalam melakukan kerja-kerja yang mulia ini serta memperolehi kejayaan dan keampunan di dunia dan di akhirat. Aamin.

وَاللَّهُ وَلِي التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَا

Bagi pihak ahli-ahli Badan Penasihat Syariah,

Hus -
- - -

Yang Dimuliakan

Peñin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia

Awang Haji Suhaili bin Haji Mohiddin

Pengerusi

Negara Brunei Darussalam

28 Mac 2014



KPMG LLP
16 Raffles Quay #22-00
Hong Leong Building
Singapore 048581

Telephone +65 6213 3388
Fax +65 6225 0984
Internet www.kpmg.com.sg

**Laporan Juruaudit Bebas kepada
Ahli – Ahli Bank
Bank Islam Brunei Darussalam Berhad**

Laporan atas Penyata Kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan Bank Islam Brunei Darussalam Berhad (Bank) dan anak-anak syarikatnya (Kumpulan) seperti yang dilampirkan, yang terdiri dari kunci kira-kira Bank dan Kumpulan pada 31 Disember 2013, penyata pendapatan, penyata bagi perubahan ekuiti dan aliran wang tunai Bank dan Kumpulan bagi tahun berakhir seperti yang dinyatakan dan ringkasan kepada dasar perakaunan penting dan nota penerangan lain seperti yang dilampirkan pada mukasurat 8 hingga 61.

Tanggungjawab Pengarah bagi Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah Bank adalah bertanggungjawab bagi penyediaan dan penyampaian yang saksama bagi penyata kewangan menurut peruntukan Akta Syarikat-Syarikat Negara Brunei Darussalam, Bab 39 (Akta), Perintah Perbankan Islam, 2008 dan Prinsip-Prinsip Perakaunan yang diterima secara am di Negara Brunei Darussalam dengan pindaan tertentu bagi mematuhi Garispandu atau Notis-Notis yang dikeluarkan oleh Autoriti Monetari Brunei Darussalam atau dikeluarkan berdasarkan Perintah Perbankan Islam, 2008 dan Prinsip-Prinsip Syariah seperti yang telah diluluskan oleh Badan Penasihat Syariah. Tanggungjawab ini merangkumi: merangka, melaksana dan memelihara kawalan dalaman yang berkaitan dengan persediaan dan penyampaian penyata kewangan yang saksama yang bebas dari penyataan yang salah, sama ada disebabkan oleh pemalsuan atau kesilapan; pemilihan dan penggunaan dasar perakaunan yang bersesuaian; dan penggunaan anggaran perakaunan yang munasabah dalam keadaan tertentu.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami ialah untuk memberikan pendapat ke atas penyata kewangan berdasarkan audit kami. Kami telah melaksanakan audit kami mengikut Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Piawaian tersebut mewajibkan kami mematuhi tuntutan etika dan merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperolehi jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan bebas daripada salah nyata yang ketara.

Sesuatu audit melibatkan pelaksanakan prosedur untuk mendapatkan bukti audit mengenai aman dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih adalah bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko akibat penyataan salah nyata bagi penyata kewangan yang ketara sama ada disebabkan oleh pemalsuan atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mengambil kira kawalan dalaman sebuah entiti berkaitan dengan persediaan dan penyampaian penyata kewangan yang saksama untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian dalam segala hal, tetapi bukan untuk tujuan menghuraikan pendapat tentang keberkesanan kawalan dalaman Bank. Sesuatu audit juga termasuk menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kewajaran anggaran perakaunan yang dibuat oleh Lembaga Pengarah, serta penilaian terhadap keseluruhan penyampaian penyata kewangan.



Kami percaya bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan sesuai untuk memberikan asas bagi pendapat audit kami.

Pendapat

Pada pendapat kami;

- (a) penyata kewangan Kumpulan dan Bank yang disediakan dan dinyatakan dengan wajarnya adalah mengikut peruntukan sesuai dengan Akta, Perintah Perbankan Islam, 2008 dan Prinsip Perakaunan yang diterima secara am di Negara Brunei Darussalam sebagaimana yang telah dipinda bagi mematuhi Garispandu dan Notis-Notis yang dikeluarkan oleh Autoriti Monetari Brunei Darussalam atau yang dikeluarkan berdasarkan mengikut Perintah Perbankan Islam, 2008 dan Prinsip-Prinsip Syariah yang telah diluluskan oleh Badan Penasihat Syariah untuk memberikan pandangan yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kumpulan dan Bank pada 31 Disember 2013 dan keputusan kewangan, perubahan ekuiti dan aliran wang tunai bagi Kumpulan dan Bank untuk tahun kewangan berakhir tersebut menurut maklumat yang terbaik dan penjelasan diberikan kepada kami dan seperti yang ditunjukkan dalam buku-buku Bank; dan
- (b) Kami telah memperolehi semua maklumat dan penjelasan yang diperlukan.

KPMG LLP

Akauntan Awam Singapura dan
Akauntan Bertauliah Singapura

Leong Kok Keong
Akauntan Awam Brunei Darussalam

Singapura

28 Mac 2014

Nota: Sila rujuk 'Auditors' Report' asal pada muka surat 62 - 63

PENYATA PENDAPATAN

Pada tahun berakhir 31 Disember	Nota	Bank			Kumpulan		
		2013 B'\$000	2012 B'\$000	Perubahan (Dinyatakan semula)	2013 B'\$000	2012 B'\$000	Perubahan (Dinyatakan semula)
Pendapatan							
Pendapatan diperolehi daripada pelaburan dana penyimpan dan lain-lain	4	189,734	187,828	1.0	226,917	219,833	3.2
Pendapatan diperolehi daripada pelaburan dana pemegang saham	5	37,412	36,814	1.6	55,099	56,076	(1.7)
Tolak:							
Elaun bagi kerugian pembiayaan dan pendahuluan	6	(11,601)	(4,541)	155.5	(13,852)	(5,801)	138.8
(Elaun bagi)/pembalikan semula kerugian bagi pelaburan		(5,565)	132	(> 100)	(5,565)	132	(> 100)
Jumlah pendapatan yang diagihkan		209,980	220,233	(4.7)	262,599	270,240	(2.8)
Tolak:							
Pendapatan kepada penyimpan	7	(16,154)	(13,861)	16.5	(20,433)	(19,000)	7.5
Jumlah Pendapatan bersih		193,826	206,372	(6.1)	242,166	251,240	(3.6)
Tolak:							
Perbelanjaan Kakitangan	8	(44,096)	(43,275)	1.9	(53,433)	(51,395)	4.0
Peruntukan bagi faedah persaraan kakitangan		(760)	(571)	33.1	(840)	(618)	35.9
Perbelanjaan overhead yang lain	9	(37,605)	(38,319)	(1.9)	(45,977)	(48,080)	(4.4)
Jumlah perbelanjaan operasi		(82,461)	(82,165)	0.4	(100,250)	(100,093)	0.2
Tolak: Kos kewangan	10	(2)	(3)	(33.1)	(2)	(3)	(33.3)
Keuntungan sebelum zakat dan cukai		111,363	124,204	(10.3)	141,914	151,144	(6.1)
Tolak :							
Zakat	11a	(2,859)	(2,653)	7.8	(435)	(2,653)	(83.6)
Cukai	12a	(23,626)	(23,641)	(0.1)	(27,470)	(29,799)	(7.8)
Jumlah Zakat dan Cukai		(26,485)	(26,294)	0.7	(27,905)	(32,452)	(14.0)
Keuntungan bagi tahun kewangan		84,878	97,910	(13.3)	114,009	118,692	(3.9)
Keuntungan tahun ini:							
Pemegang saham Bank		84,878	97,910	(13.3)	112,531	117,883	(4.5)
Kepentingan minoriti		-	-	N/A	1,478	809	82.7
Keuntungan bagi tahun kewangan		84,878	97,910	(13.3)	114,009	118,692	(3.9)
Dividen bagi setiap saham biasa (B\$)	13	0.033	0.047	(29.8)	0.033	0.047	(29.8)
Pendapatan asas bagi setiap saham (B\$)	14	0.12	0.14	(14.3)	0.16	0.16	(2.1)

(1) Sila rujuk Nota 2.4

Dasar perakaunan penting dan nota-nota daripada mukasurat 14 hingga 61 adalah sebahagian dari penyata kewangan yang perlu dibaca bersama.

KUNCI KIRA-KIRA

Pada 31 Disember	Nota	Bank		Kumpulan			
		2013 B\$'000	2012 B\$'000	Perubahan (Dinyatakan semula)	2013 B\$'000	2012 B\$'000	Perubahan (Dinyatakan semula)
				%			%
Harta							
Wang tunai dan dana jangka pendek Baki dengan Autoriti	15	2,627,676	2,788,078	(5.8)	2,455,157	2,773,564	(11.5)
Monetari Brunei Darussalam	16	283,175	250,374	13.1	307,289	273,536	12.3
Sukuk Kerajaan	17	27,986	22,995	21.7	27,986	22,995	21.7
Pelaburan	18	696,253	545,591	27.6	691,176	556,458	24.2
Pembentukan dan pendahuluan	19	2,262,151	1,903,641	18.8	2,763,688	2,338,611	18.2
Pelaburan dalam anak-anak Syarikat	21.1	26,483	26,483	-	-	-	N/A
Pelaburan dalam Syarikat bersekutu	21.2	7,080	7,080	-	7,903	7,903	-
Jumlah yang akan diterima diantara syarikat	22	152	190	(20.0)	-	-	N/A
Harta tetap	23	32,097	30,832	4.1	66,061	66,157	(0.1)
Harta lain	24	40,325	41,540	(2.9)	58,010	61,133	(5.1)
Harta cukai tertunda	30	521	-	N/A	-	-	N/A
Jumlah harta		6,003,899	5,616,804	6.9	6,377,270	6,100,357	4.5
Tanggungan dan ekuiti							
Simpanan dari pelanggan	25	4,369,163	4,217,335	3.6	4,583,022	4,469,766	2.5
Simpanan dari Bank dan Institusi Kewangan lain	26	395,863	309,770	27.8	419,694	425,762	(1.4)
Pembentukan	27	104,401	10,000	> 100	104,401	10,000	> 100
Jumlah yang perlu dibayar diantara syarikat	28	428	990	(56.7)	-	-	N/A
Tanggungan lain	29	85,194	82,494	3.3	94,768	95,522	(0.8)
Tanggungan cukai tertunda	30	-	182	(100.0)	1,842	2,182	(15.6)
Zakat	11b	2,859	2,657	7.6	2,859	5,081	(43.7)
Peruntukan cukai	12b	28,737	31,707	(9.4)	35,199	39,451	(10.8)
Jumlah tanggungan		4,986,645	4,655,135	7.1	5,241,785	5,047,764	3.8
Ekuiti pemegang saham							
Modal saham	31	724,750	724,750	-	724,750	724,750	-
Saham perpendaharaan	31.1	-	-	N/A	(2,872)	-	N/A
Dana rizab berkanun	32	262,822	211,895	24.0	294,147	241,898	21.6
Rizab-rizab lain	33	29,682	25,024	18.6	95,256	64,193	48.4
Jumlah dana pemegang saham		1,017,254	961,669	5.8	1,111,281	1,030,841	7.8
Kepentingan minoriti	34	-	-	N/A	24,204	21,752	11.3
Jumlah ekuiti		1,017,254	961,669	5.8	1,135,485	1,052,593	7.9
Jumlah tanggungan dan ekuiti		6,003,899	5,616,804	6.9	6,377,270	6,100,357	4.5
Kontingensi dan komitmen	35	4,446,946	3,445,449	29.1	4,447,974	3,449,529	28.9
Kecukupan Modal							
Nisbah modal asas (Peringkat 1) %	38	24.6%	27.4%	(10.49)	23.5%	25.2%	(6.66)
Jumlah nisbah modal %	38	24.6%	27.3%	(9.96)	24.3%	25.9%	(6.29)

Dasar perakaunan penting dan nota-nota daripada mukasurat 14 hingga 61 adalah sebahagian dari penyata kewangan yang perlu dibaca bersama.

Pengesahan

Saya mengesahkan bahawa penyata kewangan seperti yang dinyatakan di atas memberikan pandangan yang betul dan saksama mengenai kedudukannya pada 31 Disember 2013 dan keuntungan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013.

Javed Ahmad bin Kamil Hasan
Pengarah Urusan

Penyata kewangan telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan ditandatangani oleh dan bagi pihak Lembaga Pengarah.

Yang Mulia
Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah
Pengerusi

Yang Mulia
Javed Ahmad bin Kamil Hasan
Pengarah Urusan

28 Mac 2014

Bank Islam Brunei Darussalam Berhad dan Anak-Anak Syarikat

Tahun berakhir 31 Disember 2013

Penyata Kewangan

PENYATA PERUBAHAN EKUITI

Bank

Bagi tahun berakhir 31 Disember	Nota		Untung/ (Rugi) bersih yang belum diiktiraf bagi pelaburan				
			Modal Saham B\$'000	Dana Rizab berkanan B\$'000	untuk dijual B\$'000	Keuntungan Berkumpul B\$'000	Jumlah Ekuiti B\$'000
Baki pada 1 Januari 2012 seperti yang dilaporkan sebelum ini		2.4	724,750	133,914	(3,096)	34,156	889,724
Kesan perubahan dalam dasar perakaunan			-	4,548	-	1,516	6,064
Baki pada 1 Januari 2012 seperti yang dinyatakan semula			724,750	138,462	(3,096)	35,672	895,788
Pertukaran bersih dengan nilai saksama bagi pelaburan yang ada untuk dijual			-	-	2,034	-	2,034
Keuntungan bersih pada tahun kewangan (dinyatakan semula)			-	-	-	97,910	97,910
Dividen yang telah dibayar	13		-	-	-	(34,063)	(34,063)
Pemindahan pada tahun ini (dinyatakan semula)	33		-	73,433	-	(73,433)	-
Baki pada 31 Disember 2012/1 Januari 2013 seperti yang dinyatakan semula			724,750	211,895	(1,062)	26,086	961,669
Pertukaran bersih dengan nilai saksama bagi pelaburan yang ada untuk dijual			-	-	(5,376)	-	(5,376)
Keuntungan bersih pada tahun ini			-	-	-	84,878	84,878
Dividen yang telah dibayar	13		-	-	-	(23,917)	(23,917)
Pemindahan pada tahun ini	33		-	50,927	-	(50,927)	-
Baki pada 31 Disember 2013			724,750	262,822	(6,438)	36,120	1,017,254

Kumpulan

Bagi tahun berakhir 31 Disember	Nota		Untung/ (Rugi) bersih yang belum diiktiraf bagi pelaburan						
			Modal Saham B\$'000	Saham perbendaharaan B\$'000	Dana Rizab berkanan B\$'000	untuk dijual B\$'000	Keuntungan Berkumpul B\$'000	Jumlah Dana Pemegang saham B\$'000	Kepentingan Minoriti B\$'000
Baki pada 1 Januari 2012 seperti yang dilaporkan sebelum ini	724,750	-	153,919	(1,488)	62,384	939,565	16,971	956,536	
Kesan perubahan dalam polisi perakaunan	2.4	-	-	4,548	-	1,516	6,064	-	6,064
Baki pada 1 Januari 2012 seperti yang dinyatakan semula	724,750	-	158,467	(1,488)	63,900	945,629	16,971	962,600	
Pertukaran bersih dengan nilai saksama bagi pelaburan yang ada untuk dijual	-	-	-	1,392	-	1,392	-	1,392	
Keuntungan bersih pada tahun kewangan (dinyatakan semula)	-	-	-	-	117,883	117,883	809	118,692	
Dividen yang telah dibayar	13	-	-	-	(34,063)	(34,063)	-	(34,063)	
Pemindahan pada tahun ini (dinyatakan semula)	33	-	-	83,431	-	(83,431)	-	-	
Sumbangan daripada kepentingan minoriti	-	-	-	-	-	-	3,972	3,972	
Baki pada 31 Disember 2012/1 Januari 2013 seperti yang dinyatakan semula	724,750	-	241,898	(96)	64,289	1,030,841	21,752	1,052,593	
Salam bank yang dipegang oleh anak-anak syarikat	-	(2,872)	-	-	-	(2,872)	-	(2,872)	
Pertukaran bersih dengan nilai saksama bagi pelaburan yang ada untuk dijual	-	-	-	(5,302)	-	(5,302)	-	(5,302)	
Keuntungan bersih pada tahun kewangan	-	-	-	-	112,531	112,531	1,478	114,009	
Dividen yang telah dibayar	13	-	-	-	(23,917)	(23,917)	(1,521)	(25,438)	
Pemindahan pada tahun ini	33	-	-	52,249	-	(52,249)	-	-	
Sumbangan daripada kepentingan minoriti	-	-	-	-	-	-	2,495	2,495	
Baki pada 31 Disember 2013	724,750	(2,872)	294,147	(5,398)	100,654	1,111,281	24,204	1,135,485	

Dasar perakaunan penting dan nota-nota daripada mukasurat 14 hingga 61 adalah sebahagian dari penyata kewangan yang perlu dibaca bersama.

Bank Islam Brunei Darussalam Berhad dan Anak-Anak Syarikat

Tahun berakhir 31 Disember 2013

Penyata Kewangan

PENYATA ALIRAN WANG TUNAI

Bagi tahun berakhir 31 Disember		Bank		Kumpulan	
		2013 B\$'000	2012 B\$'000	2013 B\$'000	2012 B\$'000
Aliran wang tunai daripada kegiatan operasi					
Pendapatan daripada pembiayaan		136,826	120,899	179,209	158,569
Pendapatan/keuntungan yang dibayar kepada penyimpan		(16,154)	(11,643)	(20,433)	(16,537)
Penerimaan daripada kegiatan operasi yang lain		83,029	76,418	96,442	101,636
Pembayaran wang tunai kepada kakitangan dan pembekal		(44,136)	(40,632)	(49,783)	(48,419)
Pembayaran bagi kegiatan operasi yang lain		(28,114)	(23,058)	(37,384)	(33,729)
Aliran wang tunai daripada keuntungan operasi sebelum perubahan dalam harta dan tanggungan operasi		131,451	121,984	168,051	161,520
<i>(Peningkatan)/Pengurangan dalam harta operasi</i>					
Baki dengan Autoriti Monetari Brunei Darussalam		(32,801)	18,970	(33,753)	16,103
Simpanan dan penempatan dengan Bank dan Institusi kewangan lain		(530,421)	(489,576)	(472,481)	(484,515)
Pembentukan dan pendahuluan		(360,224)	(237,883)	(429,043)	(194,180)
Harta lain		2,073	4,083	3,894	5,894
		(921,373)	(704,406)	(931,383)	(656,698)
<i>(Pengurangan)/ Peningkatan dalam tanggungan operasi</i>					
Simpanan dari pelanggan		138,278	(181,820)	99,706	(203,075)
Simpanan dan penempatan dari bank-bank dan Institusi kewangan lain		86,093	43,553	(6,068)	117,666
Tanggungan lain		(16,451)	(8,649)	(16,927)	(15,468)
		207,920	(146,916)	76,711	(100,877)
Aliran wang tunai daripada operasi		(582,002)	(729,338)	(686,621)	(596,055)
Zakat yang telah dibayar		(2,657)	(2,485)	(2,657)	(2,485)
Cukai pendapatan yang telah dibayar		(27,298)	(15,455)	(32,061)	(19,614)
Aliran wang tunai bersih daripada kegiatan operasi		(611,957)	(747,278)	(721,339)	(618,154)
Aliran wang tunai daripada kegiatan pelaburan					
Pembelian harta tetap		(10,239)	(6,854)	(11,671)	(10,181)
Pelupusan harta tetap		5	40	5	40
Pembelian Sukuk Kerajaan		(126,931)	(304,858)	(126,931)	(304,858)
Hasil dari kematangan Sukuk Kerajaan		121,940	323,843	121,940	323,843
Pembelian pelaburan		(158,514)	(29,935)	(146,396)	(135,328)
Pelupusan pelaburan		13,168	-	13,168	-
Dividen yang telah diterima		1,172	1,607	1,324	2,593
Aliran wang tunai bersih daripada kegiatan pelaburan		(159,399)	(16,157)	(148,561)	(123,891)
Aliran wang tunai daripada kegiatan pembiayaan					
Dividen yang telah dibayar		(23,917)	(34,063)	(25,438)	(34,063)
Pengeluaran pembiayaan jangka pendek		94,401	10,000	94,401	10,000
Aliran wang tunai bersih daripada kegiatan pembiayaan		70,484	(24,063)	68,963	(24,063)
Jumlah pengurangan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai		(700,872)	(787,498)	(800,937)	(766,108)
Wang tunai dan kesetaraan tunai pada 1 Januari		2,030,590	2,818,088	2,024	

PENYATA MENGIKUT SEKSYEN 125 AKTA SYARIKAT-SYARIKAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Gabungan keuntungan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 seperti yang dinyatakan di dalam gabungan penyata kewangan Bank, termasuk perkongsian untung atau rugi dari anak-anak Syarikat berikut, bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013:

- (a) BIBD At-Tamwil Bhd
- (b) BIBD Securities Sdn Bhd
- (c) IDBB Sukuk Inc
- (d) IDBB Management & Services Bhd
- (e) IBB Capital Asset Management Sdn Bhd
- (f) Belait Barakah Sdn Bhd
- (g) BIBD Al-Kauthar Funds DCC Incorporated
- (h) IBB Transport Sdn Bhd
- (i) Saujana Sdn Bhd
- (j) BIBD Global Equity Funds
- (k) BIBD Asia Equity Funds

Pada tahun ini, tiada peruntukan bagi sebarang kerugian telah dibuat untuk pelaburan Bank di anak-anak Syarikat. Keuntungan atau kerugian Bank dan anak-anak Syarikat telah diambil kira oleh Lembaga Pengarah Bank dalam pengiraan keuntungan Kumpulan seperti yang dinyatakan di dalam akaun.

Bagi pihak Lembaga Pengarah



Yang Mulia
Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah
Pengerusi



Yang Mulia
Javed Ahmad bin Kamil Hasan
Pengarah Urusan
Brunei Darussalam

28 Mac 2014

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

1. MAKLUMAT KORPORAT

Bank Islam Brunei Darussalam Berhad ('Bank') diperbadankan dan bermastautin di Negara Brunei Darussalam. Alamat Bank yang berdaftar ialah Bangunan BIBD, Lot 159, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS8711, Negara Brunei Darussalam.

Kegiatan utama Bank terdiri dari semua urusan perbankan Islam mengikut prinsip-prinsip Syariah sebagaimana dibenarkan dibawah Perintah Perbankan Islam, 2008.

Kegiatan utama bagi anak-anak syarikat adalah terdiri dari sewa-beli secara Islam, broker stok/saham, pengurusan harta dan dana, penyewaan dan perkhidmatan pengurusan. Tiada perubahan penting dalam kegiatan-kegiatan utama di sepanjang tahun kewangan ini.

Gabungan penyata kewangan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 terdiri daripada Bank dan anak-anak Syarikatnya (dirujuk bersama sebagai "Kumpulan" dan secara individu sebagai "Entiti Kumpulan") dan kepentingan Kumpulan di Syarikat Bersekutu.

2. DASAR PENYEDIAAN

2.1 DASAR PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Penyata-penyata kewangan telah disediakan mengikut peruntukan Akta Syarikat-Syarikat Negara Brunei Darussalam, Bab 39 ('Akta'), Perintah Perbankan Islam, 2008 dan prinsip-prinsip perakaunan yang diterima secara am di Negara Brunei Darussalam dengan pindaan bagi mematuhi Garispandu / Notis yang dikeluarkan oleh Autoriti Monetari Brunei Darussalam ('AMBD'), atau dikeluarkan mengikut Perintah Perbankan Islam, 2008 dan Prinsip-prinsip Syariah yang diluluskan oleh Badan Penasihat Syariah.

Dasar perakaunan dan kaedah pengiraan adalah konsisten untuk semua tempoh yang dibentangkan dalam penyata kewangan ini.

Penyata-penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Brunei (B\$) iaitu fungsi dan matawang Bank, dan digenapkan pada angka ribu yang terdekat, kecuali dinyatakan sebaliknya.

2.2 KONVENSYEN PERAKAUNAN

Penyediaan penyata kewangan adalah mengikut prinsip perakaunan yang diterima secara am digunakan secara konsisten pada kos sejarah, kecuali dinyatakan sebaliknya dalam dasar perakaunan.

2.3 PENILAIAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

Penyediaan penyata kewangan memerlukan pihak pengurusan membuat penilaian, andaian dan anggaran yang menjelaskan kepada pengunaan dasar perakaunan dan jumlah harta, tanggungan, pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan.

Anggaran dan andaian adalah dikaji secara berterusan. Sebarang penilaian kepada anggaran perakaunan akan diiktiraf pada tempoh anggaran tersebut diteliti dan dalam tempoh pada masa hadapan yang terjejas.

Andaian utama mengenai masa hadapan dan juga kunci utama dalam menganggarkan ketidakpastian pada tarikh kunci kira-kira, yang mempunyai risiko signifikan dan seterusnya akan memberikan penyelaras yang penting kepada jumlah yang dibawa dalam harta dan tanggungan pada tahun kewangan yang seterusnya adalah termasuk nota di bawah:

- (a) Nota 6 – Elaun untuk pengurangan kerugian pembiayaan dan pendahuluan
- (b) Nota 3.5.2 (v) dan 18 – Penilaian pelaburan

2.4 PERUBAHAN DALAM DASAR PERAKAUNAN

Pada tahun 2013, Bank telah menukar dasar perakaunannya untuk mengukur pendapatan pembiayaan daripada perakaunan mengikut penerimaan tunai kepada perakaunan akru. Kumpulan berpendapat bahawa pengiktirafan pendapatan pembiayaan menggunakan konsep akru memberi pengguna maklumat yang relevan kepada prestasi kewangan Kumpulan.

Perubahan dalam dasar perakaunan telah digunakan secara retrospektif. Kesan menggunakan dasar perakaunan yang baru ke atas kunci kira-kira seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Bank

Kunci Kira Kira 1 Januari 2012

	Seperti yang dinyatakan sebelumnya B\$'000	Kesan perubahan dalam dasar perakaunan B\$'000	Seperti yang dinyatakan semula B\$'000
Harta			
Pembiayaan dan pendahuluan	1,673,332	7,580	1,680,912
Lain-lain	4,026,443	-	4,026,443
Jumlah harta	5,699,775	7,580	5,707,355
Tanggungan			
Peruntukan cukai	29,848	1,516	31,364
Lain-lain	4,780,203	-	4,780,203
Jumlah tanggungan	4,810,051	1,516	4,811,567
Ekuiti			
Dana rizab berkanun	133,914	4,548	138,462
Rizab-rizab lain	31,060	1,516	32,576
Lain-lain	724,750	-	724,750
Jumlah ekuiti	889,724	6,064	895,788
Jumlah tanggungan dan ekuiti	5,699,775	7,580	5,707,355

31 Disember 2012

	Seperti yang dinyatakan sebelumnya B\$'000	Kesan perubahan dalam dasar perakaunan B\$'000	Seperti yang dinyatakan semula B\$'000
Harta			
Pembiayaan dan pendahuluan	1,895,916	7,725	1,903,641
Lain-lain	3,713,163	-	3,713,163
Jumlah harta	5,609,079	7,725	5,616,804
Tanggungan			
Peruntukan cukai	30,162	1,545	31,707
Lain-lain	4,623,428	-	4,623,428
Jumlah tanggungan	4,653,590	1,545	4,655,135
Ekuiti			
Dana rizab berkanun	207,260	4,635	211,895
Rizab-rizab lain	23,479	1,545	25,024
Lain-lain	724,750	-	724,750
Jumlah ekuiti	955,489	6,180	961,669
Jumlah tanggungan dan ekuiti	5,609,079	7,725	5,616,804

KUMPULAN

Kunci Kira Kira
1 Januari 2012

	Seperti yang dinyatakan sebelumnya B\$'000	Kesan perubahan dalam dasar perakaunan B\$'000	Seperti yang dinyatakan semula B\$'000
Harta			
Pembentukan dan pendahuluan	2,153,265	7,580	2,160,845
Lain-lain	3,951,901	-	3,951,901
Jumlah harta	6,105,166	7,580	6,112,746
Tanggungan			
Peruntukan cukai	37,592	1,516	39,108
Lain-lain	5,111,038	-	5,111,038
Jumlah tanggungan	5,148,630	1,516	5,150,146
Ekuiti			
Dana rizab berkanun	153,919	4,548	158,467
Rizab-rizab lain	60,896	1,516	62,412
Lain-lain	741,721	-	741,721
Jumlah ekuiti	956,536	6,064	962,600
Jumlah tanggungan dan ekuiti	6,105,166	7,580	6,112,746

31 Disember 2012

	Seperti yang dinyatakan sebelumnya B\$'000	Kesan perubahan dalam dasar perakaunan B\$'000	Seperti yang dinyatakan semula B\$'000
Harta			
Pembentukan dan pendahuluan	2,330,886	7,725	2,338,611
Lain-lain	3,761,746	-	3,761,746
Jumlah harta	6,092,632	7,725	6,100,357
Tanggungan			
Peruntukan cukai	37,906	1,545	39,451
Lain-lain	5,008,313	-	5,008,313
Jumlah tanggungan	5,046,219	1,545	5,047,764
Ekuiti			
Dana rizab berkanun	237,263	4,635	241,898
Rizab-rizab lain	62,648	1,545	64,193
Lain-lain	746,502	-	746,502
Jumlah ekuiti	1,046,413	6,180	1,052,593
Jumlah tanggungan dan ekuiti	6,092,632	7,725	6,100,357

Perubahan dalam dasar perakaunan memberi kesan yang tidak nyata ke atas penyata pendapatan dan penyata pendapatan sesama Bank dan Kumpulan bagi tempoh semasa dan perbandingan.

3. DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING

Dasar-dasar perakaunan yang dinyatakan di bawah telah digunakan secara konsisten untuk semua tempoh yang dibentangkan dalam penyata kewangan ini, dan telah digunakan secara konsisten oleh entiti Kumpulan, kecuali seperti yang dinyatakan dalam Nota 2.4, yang menyatakan perubahan dalam dasar-dasar perakaunan.

3.1 Asas Penggabungan

- i. Penyata kewangan Kumpulan termasuk penggabungan keputusan, harta dan tanggungan Bank dan anak-anak Syarikatnya mengikut tahun kewangan berakhir masing-masing. Kepentingan pemegang saham luar bagi anak-anak syarikat adalah dalam nilai harta bersih, dan keputusan bahagian hasil mereka dikumpulkan secara berasingan dalam penggabungan Kunci Kira-Kira dan Penyata Pendapatan masing-masing, di bawah tajuk kepentingan minoriti. Penyata kewangan anak-anak Syarikat disediakan bagi tahun laporan yang sama seperti Bank, dengan menggunakan dasar perakaunan yang konsisten.

ii. Gabungan Perniagaan

Penggabungan perniagaan diambil kira menggunakan kaedah pengambilalihan. Kaedah pengambilalihan dari segi perakaunan melibatkan memperuntukkan kos pengambilalihan harta dan tanggungan, dan tanggungan kontingen yang diperolehi pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan. Kos pengambilalihan ini diukur pada nilai saksama bagi harta, instrumen ekuiti yang diterbitkan dan tanggungan yang telah diambil alih semasa tarikh pertukaran, dengan memasukkan kos yang berkaitan secara langsung dengan pengambilalihan.

Lebihan dari kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama yang bersih bagi harta yang dikenalpasti, tanggungan dan tanggungan kontingen yang melebihi kos pengambilalihan adalah merupakan muhibah atau ‘goodwill’.

iii. Anak-anak Syarikat

Anak-anak Syarikat adalah entiti yang dikawal oleh Kumpulan dan disatukan sepenuhnya dari tarikh di mana kawalan itu telah dipindahkan kepada Kumpulan. Kawalan wujud apabila Bank mempunyai kuasa untuk menentukan dasar-dasar kewangan dan operasi entiti untuk mendapatkan manfaat daripada aktiviti-aktivitinya. Keputusan dari pengambilalihan dan pelupusan anak-anak Syarikat pada tahun tersebut akan dimasukkan di dalam penyata penyata pendapatan dari tarikh pengambilalihan atau hingga pada tarikh pelupusan, jika bersesuaian.

iv. Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu

Syarikat-syarikat bersekutu adalah entiti-entiti di mana Kumpulan mempunyai pengaruh penting, tetapi bukan mengawal, ke atas dasar-dasar kewangan dan operasi entiti-entiti ini. Pengaruh penting dianggap wujud apabila Kumpulan memegang di antara 20% dan 50% daripada kuasa mengundi di entiti lain.

Dalam penyata kewangan Kumpulan, pelaburan dalam Syarikat-syarikat bersekutu diambil kira menggunakan kaedah perakaunan ekuiti. Dibawah kaedah ini, bahagian keuntungan dan kerugian bagi Kumpulan dari Syarikat-syarikat Bersekutu diambil kira dalam penyata pendapatan yang disatukan bagi tahun tersebut. Nilai buku bagi pelaburan di dalam kunci kira-kira yang disatukan adalah dengan ini bertambah atau dikurangkan untuk mengiktiraf bahagian Kumpulan dalam keuntungan terkumpul bagi Syarikat-syarikat pelaburan sejak tarikh pengambilalihan.

v. Transaksi-transaksi yang dihapuskan dalam penyataan

Baki-baki dan transaksi-transaksi antara kumpulan, pendapatan dan perbelanjaan yang belum diiktiraf, hasil dan transaksi antara Kumpulan adalah dihapuskan dalam penyediaan penyataan kewangan. Keuntungan yang belum diktiraf yang timbul dari transaksi dengan Syarikat-syarikat bersekutu akan dihapuskan kepada setakat pelaburan Kumpulan dalam Syarikat tersebut. Kerugian yang belum diiktiraf juga dihapuskan sama seperti keuntungan yang belum diiktiraf, apabila tiada bukti kemerosotan.

vi. Perakaunan pelaburan dalam Anak-anak Syarikat dan Syarikat-syarikat Bersekutu

Pelaburan dalam Anak-anak Syarikat dan Syarikat-syarikat Bersekutu dinyatakan dalam kunci kira-kira Bank pada kos, ditolak kerugian penurunan yang terkumpul.

3.2 Matawang asing

Transaksi matawang asing diterjemahkan kepada fungsi matawang Kumpulan pada kadar pertukaran pada tarikh transaksi. Harta kewangan dan tanggungan yang didenominasi oleh matawang asing adalah diterjemahkan semula kepada fungsi matawang pada kadar pertukaran pada tarikh kunci kira-kira. Sebarang perbezaan hasil daripada penterjemahan tersebut akan diambilkira di dalam penyata pendapatan.

Bagi perkara yang bukan berbentuk kewangan, yang didenominasikan dalam matawang asing yang diukur pada kos sejarah akan diterjemahkan menggunakan kadar matawang pada tarikh transaksi mula dibuat. Manakala bagi perkara yang diukur pada nilai saksama dalam bentuk matawang asing akan diterjemah menggunakan kadar pertukaran pada tarikh nilai saksama ini ditentukan.

3.3 Zakat

Zakat adalah merupakan jumlah yang perlu dibayar oleh Kumpulan menurut prinsip-prinsip Syariah dan yang telah diluluskan oleh Badan Penasihat Syariah.

3.4 Cukai

Perbelanjaan cukai pendapatan mengandungi cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa adalah diiktiraf didalam penyata pendapatan, kecuali jika ianya berkaitan dengan penggabungan perniagaan, atau perkara tersebut berkaitan dengan ekuiti, maka dalam hal demikian ianya akan diiktiraf didalam ekuiti.

Cukai semasa ialah anggaran cukai pembayaran atau penerimaan atas cukai atas pendapatan atau kerugian bagi tahun berkenaan, dengan menggunakan kadar cukai yang digubal atau digubal secara substantif pada tarikh laporan, dan sebarang pelarasaran kepada pembayaran cukai yang mesti dibayar bagi tahun-tahun sebelumnya.

Peruntukan untuk cukai dibuat berdasarkan keuntungan pada tahun kewangan seperti yang diselaraskan bagi tujuan cukai menurut peruntukan Akta Cukai Pendapatan (Bab 35) dan pindaannya.

Cukai tertunda akan diiktiraf apabila perbezaan sementara di antara jumlah harta dan tanggungan yang dibawa untuk tujuan laporan kewangan dan jumlah tersebut digunakan untuk tujuan cukai.

Cukai tertunda tidak diiktiraf apabila perbezaan sementara itu timbul daripada pengiktirafan permulaan harta dan tanggungan dalam transaksi, yang bukan untuk gabungan perniagaan dan tidak menjelaskan perakaunan atau keuntungan atau kerugian yang dicukai. Cukai tertunda diukur pada

kadar cukai yang dijangka dikenakan pada perbezaan sementara apabila kadar tersebut dikembalikan, berdasarkan undang-undang yang telah digubal atau digubal secara substantif pada tarikh laporan.

Cukai tertunda diiktiraf sebagai harta ke tahap yang memungkinkan adanya keuntungan yang layak dicukai pada masa depan, yang mana ianya akan digunakan bagi jumlah perbezaan sementara. Segala harta cukai tertunda akan dikaji semula pada setiap tarikh laporan dan ianya akan dikurangkan ke setakat yang tidak lagi memungkinkan faedah cukai yang berkaitan akan diiktiraf.

3.5 Harta dan asas penilaian

3.5.1 Pembiayaan Kepada Pelanggan

Pembiayaan kepada pelanggan adalah dicatat bersih didalam kunci kira-kira setelah ditolak elauan bagi peruntukan kerugian dalam pembiayaan, dan juga pendapatan bersih yang tidak diakru kepada pendapatan.

Pembiayaan, pendahuluan dan lain-lain yang belum diterima hanya diiktiraf bila wang tunai tersebut dibayar kepada pelanggan. Pada mulanya, ia diukur pada kos termasuk sebarang kos transaksi langsung dan kemudiannya diukur pada kos selepas di tolak sebarang elauan bagi kerugian.

Elaun bagi kerugian pembiayaan adalah berpandukan Garispandu/Notis yang dikeluarkan oleh AMBD atau dikeluarkan berikutkan Perintah Perbankan Islam, 2008 berkuatkuasa bermula 12 Januari 2010 dan juga berdasarkan penelitian berterusan yang dibuat bagi semua pembiayaan dan pendahuluan. Elauan khusus ini berkaitan dengan pembiayaan yang dikenalpasti lapuk dan rugu. Elauan umum adalah berdasarkan peratus pembiayaan dan pendahuluan dan diteliti setiap tahun. Pindaan akan dibuat pada elauan umum secara keseluruhan, jika perlu.

Sebarang pembiayaan yang tidak dapat dikutip atau sebahagian pembiayaan yang diklasifikasikan sebagai lapuk adalah dihapuskan selepas mengambil kira nilai cagaran, jika ada, apabila pihak pengurusan memutuskan tidak ada kemungkinan bagi sebarang pembayaran balik.

3.5.2 Pelaburan sekuriti

Pelaburan sekuriti bagi Kumpulan dan Bank adalah dikategorikan berdasarkan kategori-kategori dan asas pengukuran berikut:

i. Pelaburan sekuriti pada nilai saksama melalui untung atau rugi

Sekuriti diklasifikasikan sebagai pelaburan sekuriti pada nilai saksama melalui untung atau rugi, jika ianya diperolehi untuk tujuan penjualan atau pembelian semula dalam tempoh terdekat atau, ianya adalah sebahagian dari portfolio sekuriti yang dikenalpasti, yang mana ianya dikendalikan bersama atau terdapat bukti tentang aktiviti terakhir sebenar dalam pengambilan keuntungan jangka pendek.

Sekuriti diklasifikasikan sebagai pelaburan sekuriti pada nilai saksama melalui untung atau rugi, adalah dicatat pada nilai saksama. Sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada perubahan nilai adalah diiktiraf di dalam penyata pendapatan.

ii. Pelaburan sekuriti yang dipegang-sehingga-matang

Pelaburan sekuriti yang dipegang sehingga matang adalah untuk pelaburan dalam sekuriti dengan pembayaran tetap atau ditentukan, dan tempoh matang yang ditetapkan, yang mana Kumpulan dan Bank mempunyai tujuan positif dan berkeupayaan untuk memegang pelaburan tersebut sehingga matang.

Pelaburan-pelaburan ini akan diukur pada kos pelunasan dengan menggunakan kadar keuntungan efektif dan ditolak elauan bagi sebarang penurunan nilai.

Kos pelunasan dikira dengan mengambilkira sebarang diskaun atau premium semasa pengambilalihan. Pelunasan tersebut adalah diiktiraf dan dikenakan di dalam penyata pendapatan.

iii. Pelaburan sekuriti ada-untuk-dijual

Pelaburan-pelaburan ada-untuk-dijual adalah pelaburan yang bertujuan demikian atau tidak layak untuk diklasifikasi sebagai pembiayaan, sekuriti pada nilai saksama melalui untung dan rugi atau pelaburan sekuriti yang dipegang sehingga matang. Ini termasuk instrumen ekuiti, pelaburan dana dan pasaran matawang, dan instrumen hutang.

Selepas pengukuran awal, pelaburan ada-untuk-dijual kemudiannya diukur pada nilai saksama. Keuntungan dan kerugian yang belum diiktiraf akan dimasukkan langsung ke dalam ekuiti "rizab ada-untuk-dijual".

Apabila pelaburan ini dijual, keuntungan dan kerugian yang terkumpul yang sebelumnya dimasukkan ke dalam ekuiti akan di masukkan ke dalam penyata pendapatan. Jika Kumpulan dan Bank memegang lebih dari satu pelaburan di dalam sekuriti yang sama, ianya akan dijual berdasarkan pelaburan yang awal akan dijual terlebih dahulu.

Keuntungan yang diperolehi semasa memegang pelaburan ada-untuk-dijual dilaporkan sebagai pendapatan. Dividen yang diperolehi dilaporkan didalam penyata pendapatan bilamana hak pembayaran telah diwujudkan.

iv. Kemerosotan nilai pelaburan sekuriti

Pelaburan sekuriti yang tidak dikira pada nilai saksama melalui untung atau rugi adalah dinilai pada akhir setiap tempoh laporan untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif bahawa pelaburan mengalami kemerosotan nilai. Pelaburan sekuriti adalah dikira merosot jika bukti objektif menunjukkan bahawa kerugian telah berlaku selepas pengiktirafan awal pelaburan tersebut, dan juga kerugian tersebut mempunyai kesan negatif yang boleh dianggarkan dengan pasti ke atas anggaran aliran tunai masa depan harta itu.

Bukti objektif bahawa pelaburan sekuriti (termasuk sekuriti ekuiti) adalah merosot boleh merangkumi kegagalan atau tunggakkan pembayaran oleh penerbit, penyusunan semula jumlah yang harus dibayar kepada Kumpulan dengan syarat bahawa Kumpulan tidak akan menimbangkan sebaliknya, tanda-tanda penghutang atau penerbit akan muflis, perubahan yang merugikan dalam status pembayaran peminjam atau pengeluar dalam Kumpulan, keadaan ekonomi yang berhubungkait dengan kegagalan atau kehilangan pasaran aktif untuk sekuriti ekuiti. Di samping itu, pelaburan dalam sekuriti ekuiti, penurunan besar atau berpanjangan dalam nilai saksama di bawah kos adalah bukti objektif bagi penurunan nilai.

Pelaburan sekuriti dipegang-sehingga-matang

Kerugian dari kemerosotan nilai bagi pelaburan dipegang-sehingga-matang diukur dari perbezaan antara nilai aset dan nilai semasa anggaran aliran wang tunai masa hadapan. Nilai aset dikurangkan dan jumlah kerugian diiktiraf di dalam penyata pendapatan.

Pelaburan sekuriti ada-untuk-dijual

Sebarang kerugian yang berlaku daripada penurunan nilai bagi pelaburan sedemikian akan diiktiraf di dalam penyata pendapatan dan dikeluarkan daripada rizab ada-untuk-dijual. Kerugian berkumpul yang diklasifikasikan semula daripada ekuiti kepada penyata pendapatan adalah perbezaan di antara kos pengambilalihan, tolak sebarang pembayaran balik wang pokok dan pelunasan, dan nilai saksama pada masa kini, dengan ditolak sebarang kerugian penurunan nilai yang dimasukkan dalam penyata pendapatan sebelum ini.

Jika, dalam tempoh berikutnya, nilai saksama bagi hutang sekuriti ada-untuk-dijual yang telah diperuntukkan kerugian meningkat dan peningkatan ini dikaitkan secara objektif kepada peristiwa yang berlaku selepas kerugian penurunan nilai dimasukkan ke dalam penyata pendapatan, maka kerugian penurunan ini dikembalikan, dengan jumlah pembalikan yang dimasukkan kedalam penyata pendapatan. Sebarang peningkatan dalam nilai di atas kos asal tidak akan diambil ke dalam penyata pendapatan tetapi dimasukkan ke dalam ekuiti. Walau bagaimanapun, sebarang pemulihian dalam nilai saksama bagi nilai sekuriti ekuiti ada-untuk-dijual adalah diiktiraf ke dalam ekuiti.

v. Penetapan nilai saksama

Nilai saksama untuk pelaburan-pelaburan sekuriti yang tersenarai dalam pasaran yang aktif di tarikh kunci kira-kira, adalah berdasarkan harga pasaran yang ditawarkan atau sebut harga penjual.

Bagi semua instrumen-instrumen kewangan yang tidak tersenarai di pasaran aktif, nilai saksama ditentukan dengan menggunakan teknik penilaian yang bersesuaian. Teknik-teknik penilaian termasuk teknik nilai bersih terkini, perbandingan kepada instrumen-instrumen yang sama dimana wujudnya proses pemerhatian di pasaran, model-model harga 'options' dan model-model penilaian yang lain.

3.5.3 Penempatan dan baki dengan bank dan institusi kewangan yang lain.

Penempatan dan baki dengan bank dan institusi kewangan yang lain dinyatakan pada kos, selepas potongan peruntukan untuk kerugian, jika ada.

3.5.4 Harta tetap

i. Pengiktirafan dan ukuran

Harta tetap adalah dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai yang terkumpul dan sebarang kerugian penurunan nilai. Kos harta tetap termasuk perbelanjaan yang berkaitan secara langsung dengan pengambilalihan harta tersebut.

Apabila sebahagian dari harta tetap mempunyai tempoh jangka hayat yang berlainan, ia diambil kira sebagai bahagian-bahagian yang berasingan (komponen utama) harta tetap.

Keuntungan atau kerugian keatas pelupusan harta tetap adalah ditentukan dengan perbandingan perolehan daripada pelupusan dengan jumlah baki harta tetap, dan diiktiraf sebagai jumlah bersih di dalam penyata pendapatan.

ii. Kos berikutnya

Kos penggantian bahagian-bahagian harta tetap diiktiraf sebagai jumlah yang dibawa ke hadapan, apabila manfaat ekonomi pada masa hadapan bagi bahagian itu dapat ditentukan akan mengalir kepada Bank dan Kumpulan dan kos-kosnya dapat diukur dengan pasti. Bagi kos perkhidmatan harta tetap ianya akan dikenakan di dalam penyata pendapatan pada tarikh perbelanjaan terjadi.

iii. Susut nilai

Kaedah susut nilai, anggaran tempoh penggunaan dan nilai lebihan adalah diteliti, dan diselaraskan jika perlu, pada setiap tarikh laporan.

Pajakan Hartanah dan Bangunan	Sepanjang tempoh penyewaan atau tidak lebih daripada 10 tahun
Peralatan, Perabot dan Kelengkapan	3 – 5 tahun
Kenderaan Bermotor	7 tahun
Kapal Laut	20 tahun

Harta yang telah disusut nilai sepenuhnya dikekalkan dalam rekod sehingga dilupuskan. Semasa penghapusan harta tetap, perbezaan di antara hasil bersih penghapusan dengan jumlah baki harta tetap diiktiraf di dalam penyata pendapatan.

Tiada susut nilai diperuntukkan bagi harta tetap yang dalam proses perlaksanaan, yang berkaitan dengan sistem teknologi maklumat dan perisian yang dalam proses pelaksanaan.

3.5.5 Wang tunai dan wang tunai setara

Wang tunai dan wang tunai setara termasuk wang tunai dalam simpanan, baki di dalam bank dan institusi kewangan yang lain dan dana jangka pendek dan penempatan antara bank dengan baki kematangan yang tidak melebihi tiga bulan.

3.5.6 Pelaburan hartaanah

Hartanah pelaburan dinilai pada kos tolak susut nilai terkumpul dan kemerosotan nilai. Susut nilai bangunan adalah sepanjang tempoh pajakan dan tidak melebihi 50 tahun dan susut nilai bagi penambahbaikan adalah sepanjang 10 tahun.

3.6 Tanggungan dan Peruntukan

3.6.1 Peruntukan

Peruntukan hanya diiktiraf jika, akibat dari peristiwa lalu, Kumpulan mempunyai kewajipan undang-undang atau tanggungan konstruktif yang dapat dianggarkan dengan pasti, dan adanya kemungkinan aliran keluar sumber manfaat ekonomi ini akan diperlukan untuk memenuhi kewajipan tersebut.

3.6.2 Tanggungan

Simpanan daripada pelanggan dan simpanan-simpanan dan penempatan bank-bank dan institusi kewangan adalah dicatat pada nilai-nilai penempatan. Tanggungan-tanggungan yang lain dinyatakan dicatat pada kos yang mana nilai saksama bagi jumlah yang dijangka akan dibayar pada masa hadapan untuk barang-barang dan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan, atau bagi menghapuskan tanggungan tersebut.

3.6.3 Komitmen dan Kontigensi

Semua risiko yang jelas akan diambil kira dalam menentukan jumlah tanggungan lain.

3.6.4 Faedah Pekerja

i. Faedah jangka pendek pekerja

Gaji, bonus dan elaun dicatat sebagai perbelanjaan di dalam tahun di atas perkhidmatan yang diberikan oleh pekerja Kumpulan.

ii. Pelan sumbangan pekerja

Kumpulan menyumbang kepada Tabung Amanah Pekerja ("TAP") dan Skim Pencen Caruman Tambahan ("SCP"), kedua-dua pelan caruman yang ditakrif, dikawal dan diurus oleh Kerajaan Negara Brunei Darussalam, yang mana ianya dikenakan kepada kebanyakan pekerja. Kewajipan pada sumbangan kepada pelan sumbangan yang ditakrifkan adalah diiktirafkan sebagai perbelanjaan faedah pekerja di dalam penyata pendapatan pada tempoh perkhidmatan pekerja.

iii. Faedah Pencen dan Persaraan

Bank juga menyediakan Tabung Persaraan Pekerja (Employee Retirement Fund, 'ERF') dengan sumbangan bulanan ke dalam tabung persaraan ini, adalah berdasarkan peratus gaji pokok kasar yang tidak termasuk elaun. Sumbangan pihak Bank kepada pekerja adalah sehingga maksimum 12% (termasuk sumbangan TAP) daripada sumbangan yang dibuat oleh pekerja. Sumbangan ke TAP, SCP dan ERF adalah dikenakan pada penyata pendapatan dalam tempoh sumbangan berkaitan.

3.7 Perakaunan perlindungan nilai ("Hedge Accounting")

Bank telah memasuki kaedah pertukaran asing hadapan dan pertukaran 'swaps' bagi melindungi nilai pendedahan matawang asing. Bagi melayakkan untuk perakaunan perlindungan nilai, derivatif tersebut mestilah secara efektif dapat mengurangkan risiko pertukaran asing pada harta atau tanggungan di mana ianya dikaitkan dan ditetapkan sebagai perakaunan perlindungan nilai pada bermula kontrak derivatif tersebut. Sehubungan dengan itu, sebarang perubahan dalam nilai pasaran derivatif mestilah berkait rapat dengan perubahan dalam nilai saksama bagi perkara yang dilindungi nilai pada tarikh ianya dilindungi nilai dan sepanjang hayat kontrak tersebut. Jika kriteria ini dipenuhi, derivatif adalah dikira pada asas yang sama seperti perkara dilindungi nilai, dan 'forward points' bagi derivatif tersebut, di mana perbezaan di antara kadar 'spot' pada permulaan kaedah atau pertukaran 'swaps' dan kadar dikontrakkan, akan dilunaskan dalam penyata pendapatan.

Derivatif yang tidak layak sebagai perakaunan lindung nilai pada permulaan adalah dinilai pada nilai pasaran pada tarikh kunci kira-kira. Kerugian yang belum direalisasi diiktiraf dalam penyata pendapatan manakala keuntungan tidak direalisasi ditunda di dalam tanggungan lain. Kaedah ini adalah untuk mematuhi format yang ditetapkan iaitu Appendix II, Format Penyata Akaun yang diaudit untuk laporan Bank-Bank Islam yang berlesen kepada pihak berkuasa yang telah dikeluarkan oleh AMBD.

3.8 Penyata pendapatan

3.8.1 Pengiktirafan pendapatan

Dasar pengiktirafan pendapatan bagi setiap jenis pendapatan utama yang diperolehi, termasuk seperti berikut:

i. Pendapatan Pembiayaan

Kumpulan mengiktiraf pendapatan pembiayaan berdasarkan secara akru.

ii. Pendapatan yuran dan komisen

Pendapatan yuran dan komisen yang berkaitan dengan pembiayaan, jaminan dan pembiayaan perniagaan diiktiraf sepanjang tempoh semasa perkhidmatan berkenaan disediakan atau risiko kredit/pembiayaan diambil.

iii. Pendapatan dari simpanan dan pelaburan

Pendapatan dari simpanan dan pelaburan adalah berdasarkan secara akru.

iv. Pendapatan dividen

Dividen interim dari ekuiti adalah dicatatkan semasa tahun kewangan pada waktu ianya diisyiharkan berbayar.

v. Pendapatan daripada pelaburan dana penyimpan dan lain-lain dan daripada dana pemegang saham

Pendapatan adalah diperuntukkan kepada pendapatan yang diperolehi daripada dana penyimpan dan pendapatan daripada dana pemegang saham berdasarkan baki bulanan dana penyimpan dan dana pemegang saham.

Pendapatan yang secara langsung berkaitan dengan dana penyimpan atau pemegang saham adalah diperuntukkan kepada dana-dana.

3.8.2 Pendapatan yang diagihkan kepada penyimpan

Pendapatan yang diagihkan kepada penyimpan adalah perbelanjaan yang dicaj secara akru.

3.8.3 Perakaunan untuk perbelanjaan pajakan

Perbelanjaan bagi pajakan operasi adalah dimasukkan di dalam penyata pendapatan dengan menggunakan kaedah garis lurus bagi tempoh pajakan tersebut.

Apabila pajakan operasi ditamatkan sebelum tempoh sewa tersebut mansuh, sebarang pembayaran yang perlu dibayar kepada penyewa diiktiraf sebagai bayaran penalti yang dikenakan kepada perbelanjaan pada waktu penamatan berlaku.

4 PENDAPATAN DIPEROLEHI DARIPADA PELABURAN DANA PENYIMPAN DAN LAIN-LAIN

	Bank		Kumpulan	
	2013	2012	2013	2012
	B\$'000	B\$'000	B\$'000	B\$'000
(Dinyatakan semula)	(1)	(Dinyatakan semula)	(1)	(1)
Pendapatan pembiayaan dan hibah (mengikut budi bicara)	152,670	134,626	188,642	165,404
Pendapatan operasi lain	37,064	53,202	38,275	54,429
Jumlah	189,734	187,828	226,917	219,833

⁽¹⁾ Sila rujuk Nota 2.4

5 PENDAPATAN DIPEROLEHI DARIPADA PELABURAN DANA PEMEGANG SAHAM

	Bank		Kumpulan	
	2013	2012	2013	2012
	B\$'000	B\$'000	B\$'000	B\$'000
(Dinyatakan semula)	(1)	(Dinyatakan semula)	(1)	(1)
Pendapatan pembiayaan dan hibah (mengikut budi bicara)	30,046	28,653	36,902	35,901
Pendapatan operasi lain	7,366	8,161	18,197	20,175
Jumlah	37,412	36,814	55,099	56,076

⁽¹⁾ Sila rujuk Nota 2.4

6 ELAUN BAGI KERUGIAN PEMBIAYAAN DAN PENDAHULUAN

	Bank		Kumpulan	
	2013	2012	2013	2012
	B\$'000	B\$'000	B\$'000	B\$'000
Elaun am	(5,657)	(2,048)	(6,321)	(2,481)
Elaun khusus	(5,944)	(2,493)	(7,531)	(3,320)
Jumlah	(11,601)	(4,541)	(13,852)	(5,801)

7 PENDAPATAN KEPADA PENYIMPAN

	Bank		Kumpulan	
	2013 B\$'000	2012 B\$'000	2013 B\$'000	2012 B\$'000
Simpanan pelanggan				
- Mudharabah	268	607	268	607
- Bukan-Mudharabah	14,367	12,373	17,241	15,677
Jumlah kecil	14,635	12,980	17,509	16,284
Simpanan dan penempatan di bank-bank				
dan institusi-institusi kewangan lain				
- Mudharabah	-	1	-	1
- Bukan-Mudharabah	1,519	880	2,924	2,715
Jumlah kecil	1,519	881	2,924	2,716
Jumlah	16,154	13,861	20,433	19,000

8 PERBELANJAAN KAKITANGAN

	Bank		Kumpulan	
	2013 B\$'000	2012 B\$'000	2013 B\$'000	2012 B\$'000
Gaji	27,715	25,472	30,998	28,379
Elaun dan bonus	11,985	13,194	13,316	14,404
Lain-lain	4,396	4,609	9,119	8,612
Jumlah	44,096	43,275	53,433	51,395

a. Ganjaran Pengarah-Pengarah

Yang termasuk didalam perbelanjaan kakitangan adalah:

	Bank		Kumpulan	
	2013 B\$'000	2012 B\$'000	2013 B\$'000	2012 B\$'000
Yuran pengarah-pengarah dan ganjaran-ganjaran lain	225	232	225	232
Gaji Pengarah Urusan dan ganjaran-ganjaran lain	444	349	444	349
Ganjaran Badan Penasihat Syariah	123	126	123	126
Cukai pegangan	141	26	141	26
Jumlah	933	733	933	733

9 PERBELANJAAN OVERHED YANG LAIN

	Bank		Kumpulan	
	2013 B\$'000	2012 B\$'000	2013 B\$'000	2012 B\$'000
Promosi				
Iklan dan publisiti				
Operasi				
Sewa	4,573	2,906	4,768	3,093
Susutnilai	9,491	9,402	12,285	11,756
Perbelanjaan proses dan elektronik	4,287	2,948	4,732	3,549
Sewa peralatan	139	62	139	62
Subsidi jualan	1,466	3,049	1,466	3,049
Perbelanjaan pejabat	5,630	5,542	5,630	5,895
Perbelanjaan Am				
Yuran pengurusan	-	-	656	291
Yuran juruaudit				
- Statutori audit				
- Tahun ini	323	309	384	339
- Perkhidmatan selain audit	348	10	349	21
Yuran professional	1,283	(30)	1,329	9
Peruntukan untuk tuntutan	332	5,864	332	5,864
Lain-lain	7,601	6,393	11,159	11,528
Jumlah	37,605	38,319	45,977	48,080

10 KOS KEWANGAN

	Bank		Kumpulan	
	2013 B\$'000	2012 B\$'000	2013 B\$'000	2012 B\$'000
Pembiayaan jangka pendek	2	3	2	3
Jumlah	2	3	2	3

11 ZAKAT**a. Tercatat di dalam penyata pendapatan**

	Bank		Kumpulan	
	2013 B\$'000	2012 B\$'000	2013 B\$'000	2012 B\$'000
	Peruntukan Zakat tahun ini	2,859	2,657	2,859
Lebihan peruntukan bagi tahun sebelumnya	-	(4)	(2,424)	(4)
Jumlah	2,859	2,653	435	2,653

Jumlah zakat adalah dikira berdasarkan keuntungan bersih sebelum cukai pendapatan dan dibayar oleh Bank dan anak-anak Syarikat untuk mematuhi Prinsip-prinsip Syariah.

b. Tanggungan Zakat

	Bank		Kumpulan	
	2013 B\$'000	2012 B\$'000	2013 B\$'000	2012 B\$'000
	Zakat	2,859	2,657	2,859
Jumlah	2,859	2,657	2,859	5,081

12 CUKAI**a. Tercatat di dalam penyata pendapatan**

	Bank		Kumpulan	
	2013 B\$'000	2012 B\$'000	2013 B\$'000	2012 B\$'000
	(Dinyatakan semula)	(1)	(Dinyatakan semula)	(1)
Perbelanjaan Cukai Semasa				
Tahun ini	21,702	21,587	28,038	25,744
Kekurangan/(Lebihan) peruntukan bagi tahun sebelumnya	2,626	(5,789)	134	(5,789)
	24,328	15,798	28,172	19,955
Perbelanjaan Cukai tertunda				
Permulaan dan penyelarasian perbezaan sementara	1,058	3,182	1,058	5,183
Pengurangan kadar cukai	-	291	-	291
Kekurangan/(Lebihan) peruntukan bagi tahun sebelumnya	(1,760)	4,370	(1,760)	4,370
Jumlah	23,626	23,641	27,470	29,799

(1) Sila rujuk Nota 2.4

b. Peruntukan cukai

	Bank		Kumpulan	
	2013 B\$'000	2012 B\$'000	2013 B\$'000	2012 B\$'000
	(Dinyatakan semula)	(1)	(Dinyatakan semula)	(1)
Tanggungan cukai pada tahun ini	28,737	31,707	35,199	39,451
Jumlah	28,737	31,707	35,199	39,451

c. Penyelarasan kadar cukai efektif

	Bank		Kumpulan	
	2013 B\$'000	2012 B\$'000	2013 B\$'000	2012 B\$'000
	(Dinyatakan semula)	(1)	(Dinyatakan semula)	(1)
Keuntungan sebelum zakat dan cukai	111,363	124,204	141,914	151,144
Cukai pendapatan menggunakan kadar cukai korporat dalam negeri 20% (2012: 20%)	22,273	24,841	28,383	30,229
Kesan cukai bagi pengurangan kadar cukai	-	291	-	291
Kesan cukai bagi pendapatan yang tidak dikenakan cukai/perbelanjaan yang tidak ditolak cukai	517	(42)	773	758
Kekurangan/(Lebihan) peruntukan bagi tahun sebelumnya	866	(1,419)	(1,626)	(1,419)
Lain-lain	(30)	(30)	(60)	(60)
Jumlah	23,626	23,641	27,470	29,799

(1) Sila rujuk Nota 2.4

13 DIVIDEN BAGI SETIAP SAHAM BIASA

	Bank		Kumpulan	
	2013 B\$'000	2012 B\$'000	2013 B\$'000	2012 B\$'000
Saham Biasa				
Dividen bersih yang dibayar kepada pemegang saham biasa	23,917	34,063	23,917	34,063
Jumlah Dividen	23,917	34,063	23,917	34,063
2013		2012		
Jumlah kasar setiap saham	Dividen bersih selepas cukai	Jumlah kasar setiap saham	Dividen bersih selepas cukai	
B\$	B\$'000	B\$	B\$'000	
Dibenarkan:				
Dividen terakhir yang dibayar	0.033	23,917	0.047	34,063

Di Mesyuarat Agung Tahunan pada 21 Jun 2013, dividen terakhir berkaitan dengan tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 of B\$0.033 sebanyak 724,749,513 saham biasa, berjumlah B\$23,916,734 telah diluluskan oleh pemegang saham dan telah dibayar pada 19 Julai 2013.

14 PENDAPATAN BAGI SETIAP SAHAM (EARNINGS PER SHARE)

Pendapatan atas bagi setiap saham

Pendapatan setiap saham Kumpulan dan Bank dikira dengan membahagikan keuntungan bersih pada tahun ini dengan jumlah purata saham biasa yang diterbitkan semasa tahun kewangan dengan mengambil kira saham perbendaharaan.

	Bank		Kumpulan	
	2013 (Dinyatakan semula)	2012 (Dinyatakan semula)	2013 (1)	2012 (1)
Keuntungan tahun ini				
diagihkan kepada pemegang ekuiti (B\$'000)	84,878	97,910	112,531	117,883
Jumlah purata saham biasa yang diterbitkan ('000)				
	724,750	724,750	721,878	724,750
Pendapatan atas bagi setiap saham (B\$)				
⁽¹⁾ Sila rujuk Nota 2.4	0.12	0.14	0.16	0.16

Pendapatan yang telah dicairkan bagi setiap saham

Pengiraan adalah berdasarkan kepada keuntungan yang diagihkan kepada pemegang ekuiti Bank yang dibahagikan dengan jumlah purata saham biasa yang diterbitkan pada tarikh Kunci Kira Kira, selepas penyeleraan kesan semua potensi saham biasa yang telah dicairkan.

Pendapatan sesaham dicairkan adalah sama seperti pendapatan atas sesaham pada tahun ini.

15 WANG TUNAI DAN DANA JANGKA PENDEK

	Bank		Kumpulan	
	2013 B\$'000	2012 B\$'000	2013 B\$'000	2012 B\$'000
Wang tunai dalam tangan	56,960	46,110	57,179	46,329
Dana kecairan jangka pendek	2,570,716	2,741,968	2,397,978	2,727,235
Jumlah	2,627,676	2,788,078	2,455,157	2,773,564

16 BAKI DENGAN AUTORITI MONETARI BRUNEI DARUSSALAM

Mengikut peruntukan di Seksyen 45 Perintah Perbankan Islam 2008 dan Seksyen 13A Akta Syarikat Kewangan, baki wang tunai adalah dikehendaki disimpan dengan AMBD. Pada masa ini, kadar rizab minima ialah 6% daripada baki purata tanggungan simpanan sebagaimana ditetapkan oleh AMBD.

17 SUKUK KERAJAAN

	Bank		Kumpulan	
	2013 B\$'000	2012 B\$'000	2013 B\$'000	2012 B\$'000
Sukuk Kerajaan yang dipegang sehingga tempoh matang				
Kematangan kurang dari setahun	27,986	22,995	27,986	22,995
Jumlah	27,986	22,995	27,986	22,995

18 PELABURAN

	Bank		Kumpulan	
	2013 B\$'000	2012 B\$'000	2013 B\$'000	2012 B\$'000
Pelaburan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	19,235	18,389	22,419	37,590
Pelaburan yang ada untuk dijual	155,494	66,710	147,233	58,376
Pelaburan yang dipegang sehingga tempoh matang	521,524	460,492	521,524	460,492
Jumlah	696,253	545,591	691,176	556,458

19 PEMBIAYAAN DAN PENDAHULUAN

19.1 Mengikut jenis

	Bank		Kumpulan	
	2013 B\$'000	2012 B\$'000	2013 B\$'000	2012 B\$'000
(Dinyatakan semula)			(Dinyatakan semula)	
Kemudahan kredit/ Naqd (<i>overdraft</i>)	94,207	73,683	94,207	73,683
Pembiayaan berpenggal	2,567,160	2,212,646	3,256,200	2,824,690
Bil-bil yang akan diterima	178,966	135,873	178,966	135,873
Lain-lain	144,126	141,127	144,126	141,128
Pembiayaan dan pendahuluan kasar	2,984,459	2,563,329	3,673,499	3,175,374
Tolak: Pendapatan yang belum diperolehi	(594,646)	(501,202)	(774,772)	(672,165)
	2,389,813	2,062,127	2,898,727	2,503,209
Tolak: Peruntukan kerugian bagi pembiayaan dan pendahuluan				
- Am	(35,794)	(30,137)	(40,850)	(34,529)
- Khusus	(91,868)	(128,349)	(94,189)	(130,069)
Jumlah bersih pembiayaan dan pendahuluan	2,262,151	1,903,641	2,763,688	2,338,611

19.2 Mengikut kontrak

	Bank		Kumpulan	
	2013 B\$'000	2012 B\$'000	2013 B\$'000	2012 B\$'000
(Dinyatakan semula)			(Dinyatakan semula)	
Al-Kafalah bil Mal dan Al-Bai (<i>jaminan kewangan dan jualan</i>)	5,935	5,059	5,935	5,059
Al-Wakalah bil Ujrah (<i>agensi berbayar</i>)	40,913	38,900	40,913	38,900
Bai' Bithaman Ajil (<i>pembayaran bertangguh</i>)	1,595,242	1,529,482	1,595,242	1,529,482
Ijarah (<i>sewa</i>)	149,269	98,325	149,269	98,325
Ijarah Muntahia Bittamlik / AITAB (<i>pembiayaan diakhiri dengan hak milik</i>)	985	3,506	512,220	452,158
Murabahah (<i>kos tambahan</i>)	307,457	347,720	305,136	340,148
Musharakah (<i>perkongsian untung dan rugi</i>)	23,687	15,389	23,687	15,389
Qard (<i>pembiayaan kebajikan</i>)	1,837	1,851	1,837	1,851
Tawarruq (<i>Pengewangan</i>)	246,807	-	246,807	-
Lain-lain	17,681	21,895	17,681	21,897
Jumlah	2,389,813	2,062,127	2,898,727	2,503,209

⁽¹⁾ Sila rujuk Nota 2.4

19.3 Mengikut sektor

	Bank		Kumpulan	
	2013	2012	2013	2012
	B\$'000	B\$'000	B\$'000	B\$'000
		(Dinyatakan semula)		(Dinyatakan semula)
Pertanian	18,042	8,853	18,042	8,853
Kewangan	82,321	131,142	82,321	131,142
Perkilangan	246,059	174,027	246,059	174,027
Pengangkutan	265,251	173,412	262,501	164,851
Infrastruktur	82,276	84,117	82,276	84,117
Perniagaan	75,777	50,991	75,777	50,991
Perkhidmatan	75,563	51,845	75,563	51,845
Perumahan Hartanah (Perseorangan)	442,410	343,316	442,410	343,316
Komersial (Pembangunan Hartanah)	128,039	133,658	128,039	133,658
Pelancongan	36,712	55,644	36,712	55,644
Telekomunikasi dan Informasi Teknologi	15,726	11,972	15,726	11,972
Penggunaan dan pembiayaan peribadi	921,637	843,150	1,433,301	1,292,793
Jumlah	2,389,813	2,062,127	2,898,727	2,503,209

⁽¹⁾ Sila rujuk Nota 2.4

20 PEMBIAYAAN YANG TERTUNGGAK

20.1 Pergerakan pembiayaan dan pendahuluan yang tertunggak

	Bank		Kumpulan	
	2013	2012	2013	2012
	B\$'000	B\$'000	B\$'000	B\$'000
Baki permulaan	181,303	205,688	183,113	207,357
Diklasifikasi semasa tempoh kewangan	33,729	22,906	35,135	23,924
Diklasifikasikan semula sebagai tidak lagi tertunggak	(611)	(664)	(888)	(854)
Jumlah yang didapatkan kembali	(16,936)	(11,728)	(17,007)	(11,817)
Jumlah yang dihapuskira dengan elau	(40,357)	(34,899)	(40,774)	(35,497)
Baki penutup	157,128	181,303	159,579	183,113

20.2 Pembiayaan yang tertunggak mengikut sektor

	Bank		Kumpulan	
	2013	2012	2013	2012
	B\$'000	B\$'000	B\$'000	B\$'000
Pertanian			3,369	3,034
Perkilangan			3,509	9,687
Pengangkutan			256	319
Infrastruktur			19,709	5,423
Perniagaan			3,932	3,814
Perkhidmatan			4,387	8,261
Perumahan Hartanah (Perseorangan)			27,221	29,097
Komersial (Pembangunan Hartanah)			37,187	43,245
Pelancongan			30,488	52,017
Telekomunikasi dan Informasi Teknologi			804	2,954
Penggunaan dan pembiayaan peribadi			26,266	23,452
Jumlah	157,128	181,303	159,579	183,113

20.3 Pembiayaan yang tertunggak termasuk dalam pembiayaan dan pendahuluan di mana keuntungan tidak diakru adalah seperti berikut:

a. Jumlah

	Bank		Kumpulan	
	2013	2012	2013	2012
	B\$'000	B\$'000	B\$'000	B\$'000
Pembiayaan dan pendahuluan Naqd (Overdraft)			191,850	234,492
Jumlah kasar	8,939	8,861	8,939	8,861
Tolak: Pendapatan yang belum diperolehi			200,789	243,353
Nota 20.5			(43,661)	(62,050)
			157,128	181,303
Tolak: Elau kerugian pembiayaan dan pendahuluan - Khusus				
Nota 20.5			(85,600)	(103,279)
Jumlah bersih			71,528	78,024
				71,782
				79,575

b. Nisbah

	Bank		Kumpulan	
	2013 %	2012 %	2013 %	2012 %
Nisbah kasar pembiayaan yang tertunggak	6.6	8.8	5.5	7.3
Nisbah bersih pembiayaan yang tertunggak	3.2	4.1	2.6	3.4

Nisbah kasar pembiayaan yang tertunggak adalah jumlah pembiayaan dan pendahuluan yang tertunggak dan sebelum ditolak kerugian elauan dibahagi dengan jumlah keseluruhan pembiayaan dan pendahuluan sebelum ditolak elauan kerugian.

Nisbah bersih pembiayaan yang tertunggak adalah jumlah pembiayaan dan pendahuluan yang tertunggak selepas ditolak kerugian dibahagi dengan jumlah keseluruhan pembiayaan dan pendahuluan selepas elauan kerugian.

20.4 Pergerakan elauan kerugian pembiayaan dan pendahuluan

	Bank		Kumpulan	
	2013 B\$'000	2012 B\$'000	2013 B\$'000	2012 B\$'000
Elaun am				
Baki permulaan	30,137	28,089	34,529	32,048
Jumlah yang diperuntukkan sepanjang tahun	5,657	2,048	6,321	2,481
Baki penutup	35,794	30,137	40,850	34,529
Elaun khusus				
Baki permulaan	128,349	160,755	130,069	162,246
Jumlah yang diperuntukkan sepanjang tahun	(36,481)	(32,406)	(35,880)	(32,177)
Baki penutup	91,868	128,349	94,189	130,069

20.5 Analisa elauan kerugian pembiayaan dan pendahuluan dan pendapatan yang belum diperolehi daripada pembiayaan tertunggak

	Bank		Kumpulan		
	2013 B\$'000	2012 B\$'000	2013 B\$'000	2012 B\$'000	
Elaun Khusus					
Pembiayaan dan pendahuluan	79,791	96,990	81,988	97,249	
Naqd (<i>Overdraft</i>)	5,809	6,289	5,809	6,289	
Jumlah	Nota 20.3a	85,600	103,279	87,797	103,538
Pendapatan yang belum diperolehi					
